


**Jilid I
Bil. 103**



**Hari Jumaat
30hb November, 1979**

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

House of Representatives

PARLIMEN KELIMA

Fifth Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

KANDUNGANNYA

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 1111]**

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1980:

Jawatankuasa (Hari Ketigabelas)—

Jadual:

Maksud B. 48, B. 49 dan B. 50 [Ruangan 11134]

Maksud B. 37 [Ruangan 11166]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1980:

Jawatankuasa (Hari Ketigabelas)—

Maksud P. 37 [Ruangan 11166]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' (DR.) SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.P., P.I.S., B.S.I.**
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Wilayah Persekutuan, DATO' HUSSEIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).**
- „ **Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).**
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).**
- „ **Menteri Undang-undang, DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).**
- „ **Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).**
- „ **Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).**
- „ **Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TAN SRI DATO' HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., S.P.D.K., S.S.I.J. (Tenggaroh).**
- „ **Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).**
- „ **Menteri Pertahanan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).**
- „ **Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).**
- „ **Menteri Pelajaran, DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).**
- „ **Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).**
- „ **Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Jelebu).**
- „ **Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).**
- „ **Menteri Pertanian, DATO' SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).**
- „ **Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulau).**
- „ **Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P. (Lumut).**
- „ **Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).**

- Yang Berhormat Menteri Perusahaan Awam, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu).
- „ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN LEO MOGGIE ANAK IROK (Kanowit).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO YEE PAN, D.P.M.J. (Muar).
- „ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO S. SAMY VELLU, D.P.M.S., A.M.N., S.M.S., P.C.M. (Sungai Siput).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO' MANSOR BIN OTHMAN, K.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.L.D. (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' HAJI RAMLI BIN CMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DR. GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK K. PATHMANABAN, D.S.N.S. K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATUK HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., S.M.T., P.B. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerlun-Langkawi).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN MAK HON KAM, J.M.N., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR. NIK HUSSEIN BIN ABDUL RAHMAN, K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN CLARENCE E. MANSUL (Penampang).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN CHIN HON NGIAN (Renggam).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, DATO ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., A.M.N., P.I.S. (Ledang).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD (Johor Bahru).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, A.M.P., A.M.N., (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK THAMBY CHIK, P.J.K. (Alor Gajah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN (Gaya).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM *alias* YAHYA BIN AHMAD (Machang).
- „ TUAN ABBAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABBAH (Bandau).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).
- „ TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ (Tanjung Karang).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN ALIAS BIN MOHD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUAN A. K. ALIUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR (Kimanis).
- „ TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON, A.S.D.K., A.D.K., J.P.U., J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ TUAN CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).
- „ TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).

Yang Berhormat DR CHEN MAN HIN (Seremban).

- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- „ PUAN CHOW POH KHENG, S.M.S. (Ulu Langat).
- „ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. DAVID (Damansara).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASHIM BIN ENDUT (Ulu Muda).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI, A.M.N. (Matang).
- „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ DR HEE TIEN LAI, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
- „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.N. P.P.M., (Rantau Panjang).
- „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DATUK LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE KAW (Kluang).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING, A.M.K. (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- „ TUAN LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI (Gerik).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).

- Yang Berhormat TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- ” TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, D.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- ” TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, A.M.P. (Parit).
- ” TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- ” TUAN MOHD. NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
- ” TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- ” TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S. (Pagoh).
- ” TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- ” TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- ” DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.N.B.D., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- ” DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- ” TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K. (Alor Setar).
- ” TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- ” TUAN P. PATTO (Menglembu).
- ” TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Bukit Mas).
- ” DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Silam).
- ” DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- ” TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- ” TUAN SHAARI BIN JUSOH, J.M.N., A.M.P., P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- ” TUAN SHAMSURI BIN MOHD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- ” PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI MOHAMMED (Semerah).
- ” TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- ” TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- ” TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, A.M.N., S.M.S. (Sepang).
- ” TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, A.M.P., P.J.K. (Arau).
- ” TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- ” TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- ” DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- ” TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- ” TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- ” TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- ” TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- ” WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMED (Pasir Puteh).
- ” WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungei Petani).
- ” TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- ” DR. WONG SOON KAI, P.B.S. (Sibu).
- ” TUAN YANG CHOONG FU (Kinta).
- ” PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- ” DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- ” TUAN YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI, P.I.S., B.S.I. (Panti).
- ” TUAN HAJI ZAMDI BIN HAJI ALI, P.J.K. (Pematang Pauh).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P.B. Menon.

Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Jumaat, 30hb November, 1979

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Chan Teck Chan.

Tuan Lee Kaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang pertama.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini sekarang ialah atas nama Ahli Yang Berhormat dari Kluang.

LESEN PUKAT TUNDA

1. Tuan Lee Kaw (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pertanian menyatakan sejak tahun 1970 hingga 1979 ini, berapakah buah lesen bot-bot tunda telah dikeluarkan kepada kaum nelayan, dan dalam tempoh ini berapakah buah bot pukat tunda tidak berlesen ini telah dirampas.

Timbalan Menteri Pertanian (Datuk Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, sejak tahun 1970 hingga 1979 sebanyak 4,512 lesen pukat tunda telah dikeluarkan kepada nelayan-nelayan. Sebanyak 83 buah bot Pukat Tunda yang tidak berlesen pula telah dirampas dalam tempoh tersebut.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri yang berkenaan apakah syarat-syarat yang biasa dikenakan kepada seorang nelayan yang memohon untuk mendapatkan lesen pukat tunda.

Datuk Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa syarat tertentu yang dikenakan kepada pemohon-pemohon untuk permohonan mendapatkan lesen pukat tunda. Di antaranya, yang pertama pemohon itu mestilah seorang nelayan tulin yang menjadi ahli sesebuah persatuan nelayan atau koperasi nelayan di negara kita ini. Kedua, pemohon itu mestilah sendiri mempunyai sebuah bot yang sesuai untuk memukat pukat tunda dan mesti keluar menangkap ikan sendiri iaitu sebagai owner operator. Dan yang ketiga, permohonan mesti dibuat dalam borang-borang tertentu yang dikeluarkan oleh Jabatan-jabatan Perikanan. Borang-borang tersebut boleh didapatkan dari pejabat-pejabat perikanan di negeri dan daerah-daerah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Au How Cheong.

Tuan Umar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini sekarang ialah atas nama Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas.

**AHLI PARLIMEN MENJALANKAN
TUGAS RUKUN TETANGGA**

2. Tuan Umar bin Haji Ismail (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau dapat mengesahkan bahawa Ahli-ahli Parlimen benar-benar dikecualikan daripada tugas Rukun Tetangga seperti yang dinyatakan oleh Y.B. Menteri Tak Berpotfolio, Jabatan Perdana Menteri pada 10-7-79 dalam Dewan Negara dan dilaporkan dalam suratkhbar pada 11-7-79.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tan Sri Dato Haji Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli

Parlimen tidaklah dikecualikan daripada bertugas Rukun Tetangga. Sebenarnya, apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri Tak Berpotfolio di Dewan Negara pada 10hb Julai, 1979 yang lepas ialah bahawa perkara tersebut boleh dipertimbangkan dan laporan yang dibuat di dalam akhbar seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah tidak betul.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Speaker, mengenai Skim Rukun Tetangga ini saya suka bertanya kepada Yang Berhormat Menteri sama ada beliau sedar bahawa kebanyakan sektor-sektor Rukun Tetangga (R.T.) di Wilayah Persekutuan tidak aktif lagi dan kebanyakan sektor itu telah kehilangan minat dalam menjalankan tugas mereka. Jika beliau sedar, saya ingin mendapat tahu apakah langkah-langkah yang diambil untuk menghidupkan semula semua sektor-sektor Rukun Tetangga yang tidak aktif.

Tuan Yang di-Pertua: Sebenarnya itu keluar sedikit dari soalan asal. Tetapi jikalau Yang Berhormat Menteri hendak menjawab.

Tan Sri Dato' Haji Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu menjawab pertanyaan yang keluar daripada pertanyaan asal.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Chow Poh Kheng.

Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang ketiga.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini sekarang ialah atas nama Ahli Yang Berhormat dari Tumpat.

KUMPULANWANG SIMPANAN PEKERJA—CARUMAN

3. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada usaha meminda 'By-Laws of E.P.F.' itu patut dilakukan supaya suri-suri rumahtangga yang bekerja dapat mengeluarkan wang caruman-nya apabila usia mereka sampai 45 tahun.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mak Hon Kam): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat soalan ini telah selalu dibangkitkan di dalam Dewan

ini. Soalan yang terbaru iaitu daripada Ahli Yang Berhormat dari Renggam telah dijawab pada 19hb Disember, 1977. Walau bagaimanapun, saya akan menjawab juga soalan Ahli Yang Berhormat ini untuk makluman kaum wanita yang terlibat dalam perkara ini.

Tujuan utama Kumpulanwang Simpanan Pekerja (K.W.S.P.) ditubuhkan ialah untuk memberi jaminan kewangan kepada pekerja-pekerja di masa tua mereka. Bagi memastikan pencapaian ini Ordinan Kumpulanwang Simpanan Pekerja tahun 1951 telah menetapkan syarat-syarat wang caruman boleh dikeluarkan. Satu daripada syarat-syarat itu ialah apabila pekerja-pekerja telah mencapai umur 55 tahun di samping itu pekerja-pekerja juga boleh mengeluarkan 1/3 daripada caruman mereka pada masa umur mereka meningkat 50 tahun. Syarat-syarat pengeluaran wang yang ditetapkan oleh K.W.S.P. adalah selaras dengan matlamat penubuhannya dan dibuat setelah dibuat kajian dengan teliti untuk mencapai matlamat-matlamat ini, memandangkan kadar hidup (life expectancy) bagi kaum wanita di negara ini adalah lebih tinggi iaitu 70 tahun sedangkan untuk kaum lelaki adalah 65 tahun. Oleh yang demikian, jika Ordinan K.W.S.P. tahun 1951 dipinda seperti disyorkan oleh Ahli Yang Berhormat untuk membolehkan pengeluaran wang yang lebih awal dibuat maka tindakan itu akan mengekalkan tujuan utama penubuhan K.W.S.P.

PERTUNJUKAN WAYANG CINA DI JALAN RAYA

4. Tuan Shamsuri bin Md. Salleh minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan adakah beliau sedar perbuatan mendirikan pentas-pentas wayang Cina di atas jalan raya dalam Bandaraya Georgetown Pulau Pinang itu mengganggu ketenteraman awam terutama pengguna-pengguna jalanraya; atas dasar apakah pertimbangan diberi kepada pihak-pihak berkecuaan mendirikan pentas wayang Cina di atas jalanraya.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedari dan memerhati bahawa setiap kali diadakan pertunjukan pentas wayang Cina di atas jalanraya sepertimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memanglah berlaku gangguan kepada

pengguna-pengguna jalanraya. Ini terjadi apabila penonton- penonton ramai datang menyaksikan pertunjukan itu walaupun pentas yang didirikan menepati syarat-syarat yang dikenakan oleh pihak yang meluluskan kebenaran pertunjukan sedemikian iaitu Majlis-majlis Kerajaan Tempatan, yang menghendaki satu daripada syaratnya ruang seluas 10 kaki dikosongkan untuk penggunaan lalulintas.

Walau bagaimanapun Kerajaan akan meminta semua Majlis-majlis Kerajaan Tempatan yang bertanggungjawab mengeluarkan permit pertunjukan sedemikian dan bukan sahaja di Pulau Pinang tidak lagi mengizinkan pertunjukan sedemikian diadakan di atas jalanraya, tetapi di kawasan-kawasan lapang yang lain yang tidak akan mengganggu lalulintas.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Soalan tambahan. Saya suka menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri, sebulan yang lepas bukan sahaja pentas wayang Cina ini mengganggu jalanraya dan orang-ramai tetapi dia telah menutup sebuah pejabat Kerajaan yang penting iaitu Jabatan Telekom sehingga orang-ramai yang hendak berurusan dengan Jabatan Telekom ini tidak dapat masuk ke Pejabat Telekom untuk membayar bil-bil dan sebagainya. Ini sudah menjadi kemarahan kepada orang-ramai bukan sahaja orang yang bukan Cina tetapi orang Cina sendiri, terutama mereka yang ada kedai-kedai berhampiran dengan pentas-pentas wayang Cina ini. Jadi apakah langkah-langkah yang patut diambil supaya perkara ini jangan berlaku lagi, jangan menutup perniagaan orang dan jangan menutup pejabat Kerajaan apabila pentas ini dibuat?

Tuan Yang di-Pertua: Jawapan sudah diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak ulang atau tambah lagi?

Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tidak, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, Adakah Kerajaan bercadang untuk membuat satu peraturan supaya perayaan yang menggunakan wayang Cina ini disedikitkan, sebab yang

ada buat wayang Tokong sayur pun ada, Tokong pisang pun ada; semua ini banyak sangat. Ini membanyakkan kesusahan bagi orang-ramai bagaimana yang ditanya oleh soalan yang asal tadi, mengganggu keselamatan orang-ramai ataupun perjalanan lalulintas di jalanraya.

Tuan Yang di-Pertua: Tetapi soalan tambahan itu di luar daripada soalan asal.

Dato' Haji Abu Bakar bin Umar: Apa fasal?

Tuan Yang di-Pertua: Kerana hendak "mendikit" atau "mengurang" perayaan semacam itu, itu bukan soalan asal.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan, saya terperanjat dengan jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menyatakan Kerajaan akan mengharamkan mendirikan pentas-pentas wayang di atas jalanraya atas sebab mereka mengganggu ketenteraman awam. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi penjelasan yang lebih bagaimana dengan mendirikan pentas-pentas dan mengadakan wayang-wayang Cina ia boleh mengancam ketenteraman awam dan bukankah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa apabila Menteri-menteri dijemput hadir ke satu-satu tempat ada perarakan-perarakan.

Tuan Yang di-Pertua: Nanti!

Tuan Lim Kit Siang: Itupun mengancam ketenteraman awam

Tuan Yang di-Pertua: Sabar dahulu! Soal jawab itu tidak boleh dijadikan helah hendak berbahas di bawah Peraturan 24(4). Tanya sahajalah apa yang hendak ditanya?

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan saya, adakah Timbalan Menteri sedar bahawa sebab ketenteraman awam diganggu ataupun diancam bukan satu sebab yang boleh diterima oleh kerana ini tidak benar. Apa yang perlu diadakan ialah mungkin di tempat itu menutup jalanraya

Tuan Yang di-Pertua: Ini bukan hendak mengesyor, soalan tambahan sahaja. Apa hendak tahu?

Tuan Lim Kit Siang: Ya, ketenteraman awam tidak bersangkut paut. Mungkin lah perjalanan Lalulintas yang boleh diatasi dengan menutup jalan itu untuk masa yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua: Sebahagian daripada jawapan sudahpun ada jawapan yang mula tadi. Tetapi cubalah Yang Berhormat jawab sekali lagi.

Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, mengganggu Lalulintas ini adalah juga saya rasa akan melibatkan gangguan ketenteraman awam. Dalam jawapan saya tadi saya tidak menemuph tentang perkara-perkara yang bersangkut dengan ketenteraman awam tetapi perkara-perkara yang mengganggu Lalulintas iaitu sekiranya pentas-pentas wayang Cina ini dibenarkan didirikan lagi di atas jalan-jalanraya ini akan mengganggu Lalulintas dan harus boleh dibangkitkan keadaan gangguan ketenteraman awam. Maka dengan itu perkara ini akan dikaji dan akan diberitahu kepada semua Majlis-majlis Tempatan supaya tidak lagi membenarkan mendirikan pentas-pentas di atas jalanraya yang mana akan mengganggu Lalulintas terutamanya.

Tuan Ismail bin Said: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana pentas wayang yang berkenaan ini cuma mencerminkan kebudayaan satu bangsa sahaja dan tidak mencerminkan kebudayaan yang peribumi, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bercadang untuk memberi pertimbangan bahawa pembinaan pentas-pentas yang mencerminkan kebudayaan nasional sahaja dibenarkan di masa-masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua: Inipun tidak payah dijawab. Yang Berhormat Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 5.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan sekarang ialah di atas nama Yang Berhormat dari Tanah Merah.

PERTUBUHAN BELIA

5. Tuan Hussein bin Mahmood (di bawah S.O. (24 (2)) minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan adakah beliau sedar bahawa kebanyakan pertubuhan-pertubuhan

belia di bandar kurang mendapat sambutan dan hidup segan mati tak mahu walaupun segala kemudahan dan pusat galakan beliau itu berada di bandar-bandar. Oleh itu apakah galakan-galakan untuk membaiki sikap belia-belie bandar supaya "bodoh boleh diajar, cerdek boleh ditumpang" supaya dapat memajukan pertubuhan-pertubuhan belia di bandar-bandar.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Tuan Chin Hon Ngian): Tuan Speaker, memang ada pertubuhan-pertubuhan belia di bandar yang kurang mendapat sambutan daripada masyarakat sekeliling. Oleh yang demikian Kementerian saya sentiasa memberi perhatian yang berat untuk menentukan bahawa Pertubuhan-pertubuhan Belia di bandar berjalan dengan cergas dan membuat rancangan-rancangan untuk menggalakkan belia-belie di bandar mengambil bahagian dalam berbagai-bagai aktiviti masyarakat di sekeliling.

Kementerian mempunyai rancangan untuk menubuhkan persatuan-persatuan belia khas untuk bandar-bandar yang disebutkan Pertubuhan Belia Bandar (PBB). Persatuan yang pertama seperti ini telahpun ditubuhkan di Kuala Lumpur pada bulan September yang lalu. Dalam pada itu beberapa persatuan sukarela yang beruniform seperti St. John, Bulan Sabit juga menjalankan aktiviti-aktiviti dalam bandar-bandar. Kementerian memberi sokongan dan bantuan kepada badan-badan sukarela seperti ini.

Tuan Mohd. Tajol Rosli bin Mohamad Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau sedar bahawa hari ini kebanyakan badan-badan belia yang ada di bandar-bandar tidak mendapat sambutan daripada kalangan belia bukanlah kerana mereka tidak berminat tetapi oleh kerana pihak Kementerian tidak ada menyediakan kemudahan-kemudahan asas bagi pertubuhan-pertubuhan belia ini untuk ujud. Kalau di kampung belia-belie ini boleh jadi belia peladang tetapi di bandar-bandar mereka tidak diberi peluang secukupnya untuk bergerak cergas di dalam belia niaga.

Jadi soalan saya, adakah Kementerian di masa-masa yang akan datang akan memberikan peruntukan yang lebih untuk membolehkan belia-belie di bandar memasuki projek belia niaga?

Tuan Chin Hon Ngian: Tuan Speaker, memang benar ada persatuan-persatuan belia di dalam bandar yang kurang mendapat sambutan daripada masyarakat tetapi Kementerian saya sentiasa mengkaji dan mencari jalan untuk memberi bantuan dan juga nasihat-nasihat kepada persatuan-persatuan belia untuk menjalankan aktiviti-aktiviti mereka.

Tuan Yusof bin Malim Kuning: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa di dalam kebanyakan persatuan-persatuan belia dalam negara kita ini belia-belia yang bukan bumiputra; maksud saya keturunan Cina dan India kurang berminat dalam persatuan-persatuan belia yang halal tetapi mereka banyak aktif dalam persatuan yang haram. Kalau sedar, apakah langkah Kementerian supaya belia-belia yang bukan bumiputra ini aktif dalam persatuan-persatuan belia.

Tuan Chin Hon Ngian: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian ini tidak sedar. Jika Ahli Yang Berhormat boleh memberi maklumat yang lanjut kita akan timbangkan.

KEBUDAYAAN NASIONAL

6. **Tuan Hussein bin Mahmood** minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan sama ada Kementerianya membuat penyelidikan mengenai bahan-bahan kebudayaan yang boleh disifatkan sebagai asas kepada kebudayaan nasional. Kalau ya, adakah bahan-bahan tersebut telah dibuku dan diterbitkan. Kalau tidak kenapa.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (**Tuan Luhut Wan**): Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya berbagai-bagai usaha penyelidikan telah dijalankan mengenai pelbagai aspek kebudayaan dalam lingkungan konteks kebudayaan nasional.

Bahawa bahan-bahan penyelidikan itu telahpun diterbitkan dalam bentuk buku atau stensilan atau makalah dan disebar kepada umum sama ada secara percuma atau dijual mengikut keadaan.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kerana adanya penerbitan-penerbitan hasil daripada penyelidikan Kementerian ini. Saya ingin

bertanya, adakah pihak Kementerian ini dengan kerjasama Kementerian Pelajaran bercadang hendak menjadikan salah sebuah buku yang diterbitkan itu sebagai buku teks di Sekolah-sekolah Rendah ataupun di Sekolah-sekolah Menengah.

Tuan Luhut Wan: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya sekarang usaha untuk menerbitkan encyclopaedia budaya sedang berjalan tetapi ini akan memakan masa yang lebih panjang kerana bahannya terlalu akademik dan berat, penulis-penulis luar dan dalam negeri pun harus terlibat dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah bertanya penerbitan yang ada ini hendak dijadikan buku teks, itu yang hendak dijawab, bukan encyclopaedia.

Tuan Luhut Wan: Itulah yang saya katakan tadi, Tuan Yang di-Pertua, sekarang sedang diusahakan untuk menjadikan sebuah buku encyclopaedia. Bahan-bahan lain yang telah disediakan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk rujukan ada berbagai-bagai, sudah ada sedia sekarang dalam Kementerian. Kalau Yang Berhormat itu ingin mendapatkan salinan buku-buku ini saya akan beri kepadanya.

BAHASA MALAYSIA—DASAR PENGUNAAN DI MAHKAMAH

7. **Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad** minta Menteri Undang-undang menerangkan dasar Kementerian tersebut mengenai penggunaan Bahasa Malaysia di Mahkamah-mahkamah.

Tan Sri Dato Haji Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan yang hampir sama ini telahpun saya berikan dengan panjang lebar termasuk jawapan-jawapan soalan-soalan tambahan yang begitu banyak pada 26hb. November, 1979 ketika menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau. Oleh itu saya tidaklah ada apa-apa jawapan tambahan lagi di atas soalan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr Chen Man Hin.

Tuan Ting Chek Ming: Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 8.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini sekarang ialah atas nama Ahli Yang Berhormat dari Bruas.

JURURAWAT MALAYSIA

8. Tuan Ting Chek Ming (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kesihatan menyatakan mengapa Jururawat-jururawat Malaysia yang dilatih luar negeri didiskriminasikan apabila mereka mohon untuk bekerja di hospital-hospital Kerajaan sedangkan terdapat kekurangan Jururawat-jururawat yang terlatih dan mahir di negara ini dan mengapakah diskriminasi dan "maladministration" ini dibenarkan.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Saya tidak mendapati adanya sebarang diskriminasi dan "maladministration" dalam mengambil jururawat-jururawat yang dilatih di luar negeri secara persendirian. Buat masa yang lalu iaitu sebelum permohonan daripada mereka telah tidak diproses pada pertengahan 1978, Kementerian Kesihatan memang sentiasa mengambil mereka yang dilatih di luar negeri. Daripada tahun 1978 ke atas seramai 407 orang jururawat latihan luar negeri telah dilantik ke jawatan-jawatan Jururawat Terlatih. Walau bagaimanapun, semenjak pertengahan tahun 1978, Kementerian Kesihatan tidak lagi dapat memproses permohonan-permohonan mereka yang dilatih di luar negeri secara persendirian. Ini adalah disebabkan bahawa dalam urusan pengambilan jururawat-jururawat terlatih Kementerian Kesihatan adalah memberi keutamaan kepada jururawat yang dilatih oleh Kerajaan kita sendiri terutama sekali mereka yang dilatih di pusat-pusat latihan tempatan oleh kerana latihan mereka ini adalah dibiayai oleh pihak Kerajaan. Selain dari itu latihan mereka adalah sesuai untuk keperluan tempatan dan mereka adalah terikat dengan Kerajaan selama 5 tahun. Hanyalah dalam keadaan di mana terdapat banyak kekurangan barulah Kementerian ini mempertimbangkan permohonan jururawat-jururawat yang terlatih di luar negeri secara persendirian. Pada ketika ini tidak terdapat begitu banyak kekurangan jururawat terlatih dan jawatan-jawatan yang masih kosong adalah diperuntukkan bagi jururawat-jururawat dalam latihan di sekolah-sekolah latihan Kerajaan.

Dengan keluarnya pelatih-pelatih kumpulan terakhir bagi tahun 1979 akan terdapat hanya 25 kekosongan jururawat terlatih di Kementerian Kesihatan. Walau bagaimanapun Kementerian Kesihatan akan mempertimbangkan permohonan-permohonan mereka jika terdapat lebih banyak lagi kekosongan jawatan seperti masa-masa yang lalu.

DRAMA DAN FILEM TEMPATAN

9. Tuan Shaari bin Jusoh meminta Menteri Penerangan menyatakan adakah Kementerian beliau sedar bahawa cara menarik perhatian orang ramai kepada sebarang penerangan atau nasihat ialah dengan menayangkan filem-filem atau melalui TV seperti drama TV yang mana adalah berkesan. Jika ya, adakah Kementerian bercadang menayang lebih daripada sebuah drama iaitu tiap-tiap malam seperti filem-filem yang ditayangkan di TV.

Timbalan Menteri Penerangan (Dr Ling Liong Sik): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Penerangan memang sedar bahawa penyebaran maklumat melalui drama dan filem-filem tempatan memanglah mendatangkan kesan yang baik di kalangan orang ramai. Kerana itu usaha sedemikian memang dilaksanakan oleh RTM. Akan tetapi perkara ini sangat bergantung kepada kemudahan-kemudahan baik dari segi kelengkapan, pegawai-pegawai dan kakitangan serta skrip yang sesuai yang dapat diadakan untuk RTM. Memandangkan bahawa alat-alat kelengkapan, pegawai-pegawai serta skrip yang diperolehi oleh RTM masih terbatas, RTM setakat ini hanya dapat menerbitkan satu drama pada tiap-tiap minggu. Namun begitu saya sedar akan pentingnya drama sebagai suatu alat penyampai maklumat nasihat serta adanya desakan daripada penonton-penonton TV di tanahair terutama peminat-peminat drama agar TV Malaysia dapat menambahkan lagi terbitan-terbitan dramanya. Perkara ini sedang dikaji dengan cermat oleh RTM dan apabila kelengkapan dan tenaga yang ada pada TV Malaysia ditambah, maka diharapkan jumlah terbitan drama tempatan melalui TV.

PELABUHAN PASIR GUDANG— PEMBINAAN

10. Puan Yong Fatimah binti Mohd. Razali minta Menteri Pengangkutan menyatakan setakat manakah projek Pelabuhan Pasir Gudang dibina sehingga hari ini; nyatakan tarikh projek ini dijangka siap dan perbelanjaan yang dijangka apabila projek ini siap kelak dan masalah yang timbul berkenaan dengan pembinaan pelabuhan ini.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff): Tuan Yang di-Pertua, projek Pelabuhan Pasir Gudang peringkat I telahpun siap pembinaannya pada tahun 1977. Peringkat pertama itu mempunyai dua dermaga kargo am, satu dermaga kapal-kapal kosal, satu jeti minyak sayur dan lain-lain kemudahan am seperti gudang-gudang, bangunan-bangunan pentadbiran dan alat-alat pengendalian kargo. Pembangunan bagi peringkat II sedang dimulakan. Adalah dirancangan bahawa peringkat II ini akan mengandungi satu lagi dermaga kargo am, dua dermaga Bulkar crane dan lain-lain kemudahan seperti gudang-gudang dan alat-alat pengendalian. Pihak Juru Perunding tempatan telahpun dilantik pada bulan Februari, 1979 bagi menyediakan rekabentuk dan penyalian pembinaan.

Peringkat 11 adalah dijangka siap pada lewat tahun 1983 atau awal tahun 1984. Pada masa ini satu anggaran kos yang tepat bagi projek tersebut tidak dapat diberi oleh kerana kajian-kajian berkaitan baharu dimulakan oleh pihak Juru Perunding. Walau bagaimanapun, sejumlah \$45 juta telah diperuntukkan bagi projek ini di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Masalah yang timbul dari pembinaan peringkat 1 ialah berhubung dengan inflasi. Pihak kontraktor tidak dapat meneruskan kerja dengan harga kontrak lama dan ini telah melewati masa pelabuhan itu siap oleh kerana tender baharu terpaksa diadakan.

KAPAL FAST STRIKE CRAFT SPICA-M

11. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada pembinaan dan penyampaian empat buah kapal Fast Strike Craft SPICA-M adalah menurut jadual yang disyaratkan dengan limbungan Sweden KARLS KRONAVARVET, dan

berapa wang yang telah dibayar setakat ini dan baki wang yang masih belum lagi dijelaskan dan bilakah ia akan dijelaskan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan (Dato Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar): Tuan Yang di-Pertua, mengikut syarat-syarat kontrak, tarikh penyampaian kapal-kapal Spica-M ialah pada 4hb. April, 1979. Walau bagaimanapun, penyampaian kapal-kapal ini telah tergendala sedikit oleh kerana keadaan musim sejuk yang melanda Sweden pada awal tahun ini. Keadaan salji yang begitu tebal di laut sekeliling Sweden telah melibatkan jadual ujian-ujian kapal-kapal tersebut di laut. Sungguhpun demikian, jadual pembinaan kapal-kapal itu tidak mengalami sebarang kesulitan. Ujian-ujian kapal Spica-M telah dijalankan apabila keadaan laut dan cuaca telah bertambah baik. Selepas ujian tersebut berjaya, maka kapal-kapal tersebut telahpun diterima oleh pihak Kerajaan Malaysia dan tarikh penerimaannya adalah seperti berikut:

Kapal Pertama, KD HANDALAN telah diterima pada 15hb. Jun, 1979.

Kapal Kedua, KD PERKASA telah diterima pada 7hb. Julai, 1979.

Kapal Ketiga, KD PENDEKAR telah diterima pada 27hb. Julai, 1979.

Kapal Keempat, KD GEMPITA telah diterima pada 21hb. Ogos, 1979.

Kapal-kapal ini telahpun selamat sampai ke Malaysia pada 26hb. Oktober, 1979.

Berhubung dengan pembayaran pula, 95% dari jumlah harga kontrak telahpun dibayar dan baki 5% lagi akan diselesaikan setelah tempuh jaminan bagi kapal-kapal tersebut berakhir, iaitu pada 21hb. Ogos, 1980.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, bukankah benar dalam perjanjian kedua-dua pihak iaitu pembina kapal ini dan Kerajaan Malaysia kalau ada kelewatan dalam pembinaan kapal daripada tarikh yang disetujui bahawa ada peruntukan-peruntukan penalti di mana shipyard tersebut perlu membayar gantirugi kepada Kerajaan Malaysia dan adakah peruntukan penalti ini dikuatkuasakan?

Dato Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya ada peruntukan-peruntukan yang tertentu yang telah dibuat dalam perjanjian sewaktu kontrak

ditandatangani pada tahun 1976 yang lalu dan di antara perjanjian yang dipersetujui pihak limbungan tidak boleh lewat daripada tarikh melainkan jika sekiranya sebab-sebab "force majeure". Jadi kita menganggap bahawa salji yang tebal ini ialah satu daripada yang dikatakan "force majeure". Walaupun demikian, pihak Kementerian Pertahanan telahpun menulis surat kepada limbungan yang membuat kapal itu menyatakan atau menjelaskan sebab-sebab kelewatan ini yang mana wakil mereka pun telah sampai dan satu mesyuarat di antara kedua-dua belah pihak akan diadakan secepat mungkin untuk mengkaji sebab-sebab kelewatan itu walaupun kita tahu sebab-sebab kelewatan yang tersebut sebagaimana saya telah diterangkan dalam jawapan tadi.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ada berkata bahawa 95% harga telah dibayar. Adakah 95% harga ini ialah tetap \$157 juta atau sudah meningkat kepada \$200 juta yang diberi a-beritakan.

Dato Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Ini tidak betul, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menjelaskan harga 4 buah kapal ini mengikut Swedish Krona 278 juta berbanding dengan Ringgit Malaysia \$157,064,718. Akan tetapi oleh sebab kemantapan kewangan kita berkat pemerintahan Kerajaan Barisan Nasional ini wang kita tak turun tetapi wang Swedish turun. Jadi wang Swedish Krona 278 juta itu sebenarnya sama dengan harga wang kita sekarang \$151,152,742.20.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr Chen Man Hin.

Tuan Chan Teck Chan: Tuan Speaker, soalan No. 12.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini sekarang atas nama Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka.

UNIVERSITI TEMPATAN— PENUBUHAN

12. **Tuan Chan Teck Chan** (*di bawah S.O. 24(2)*) minta Menteri Pelajaran menimbang untuk menubuhkan lebih banyak lagi universiti-universiti tempatan memandangkan sekatan yang lebih ketat dikenakan ke atas

pelajar-pelajar kita oleh negara-negara asing dengan mengadakan quota dan yuran pengajaran yang terlalu tinggi.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Speaker, sepertimana Ahli Yang Berhormat sendiri sedia maklum, soalan ini telahpun saya sentuh semasa saya menggulung perbincangan Belanjawan Kementerian saya baru-baru ini iaitu Kementerian saya sedang mengkaji kemungkinan untuk mengadakan sebuah universiti lagi untuk menjadikan bilangan 6 buah semuanya dan dengan itu boleh menambah bilangan pelajar-pelajar yang boleh diambil masuk.

Tuan Chan Teck Chan: Tuan Speaker, Kerajaan akan menambah sebuah atau dua buah universiti tempatan untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh rakyat Malaysia. Maka adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri akan mempertimbangkan untuk memperluaskan universiti-universiti tempatan yang ada di Malaysia kerana menurut beberapa pakar pelajaran dari kajian mereka ada mengatakan bahawa kelima-lima universiti tempatan Malaysia masih belum digunakan dengan sepenuhnya, artinya kalau digunakan sepenuh . . .

Tuan Yang di-Pertua: Sudah, tidak payahlah, cukup setakat itu!

Tuan Chan Teck Chan: Adakah rancangan, apakah program perluasan untuk gunakan kelima-lima universiti dengan sepenuhnya.

Dato' Chan Siang Sun: Itu memang menjadi dasar kita.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana quota bumiputra telah dikurangkan sebanyak 2% dalam pengambilan baru-baru ini, apakah dengan penubuhan universiti baru dalam Rancangan Malaysia Keempat nanti penguangan yang diberi bagi kemasukan universiti baru itu akan ditambah semula kepada bumiputra sebanyak 2% sebagaimana yang ada sebelumnya.

Tuan Yang di-Pertua: Soal ini terlalu awal bagi Yang Berhormat Timbalan Menteri dan berkehendakkan notis.

Tuan Chan Teck Chan: Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan yang mulia ini bilakah program untuk memperluaskan kemudahan (facility) yang ada di kelima-lima universiti di Malaysia supaya universiti tempatan di Malaysia hari ini boleh digunakan sepenuhnya sepertimana yang dilaporkan oleh pakar pelajaran. Bilakah projek akan dijalankan?

Dato' Chan Siang Sun: Akan dijalankan (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua: Soalan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka bila?

Tuan Chan Teck Chan: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Nanti, duduk!

Dato' Chan Siang Sun: Kita akan mulai dari peringkat ke peringkat untuk memperluaskan.

Tuan Chan Teck Chan: Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak jawab bila?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, saya tahu.

Tuan Chan Teck Chan: 2 tahunkah atau 4 tahunkah?

Tuan Yang di-Pertua: Tidak payah, duduk!

Tuan Chan Teck Chan: Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak jawab.

Tuan Yang di-Pertua: Duduklah, saya tahu kerja saya, apa ini (*Ketawa*), jangan degillah!

Tuan Chan Teck Chan: Tuan Speaker, saya tidak degil.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sudah, saya kata sudah, sudah!

Tuan Chan Teck Chan: Kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak menjawab.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah, jangan cakap banyak lagi.

(*Kepada Dato' Chan Siang Sun*) Ya, bila?

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Speaker, kita akan mulai memperluaskan.

Tuan Yang di-Pertua: Yalah, bila? Ahli Yang Berhormat itu hendak tahu bila mularnya, bila sudah ada siap rancangannya?

Dato' Chan Siang Sun: Mulai sekarang.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran sedar bahawa di dalam satu perkembangan pelajaran, terutama sekali di universiti banyak faktor-faktor yang terlibat selain daripada faktor pertambahan calun-calun untuk memasuki universiti tersebut, umpamanya dari segi tenaga pengajar, soal tempat dan juga soal-soal kemudahan lain.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Speaker, saya tidak dengar.

Tuan Yang di-Pertua: Ulang sekali lagi Yang Berhormat.

Tuan Hussein bin Mahmood: Saya ingin tahu sama ada Timbalan Menteri berkenaan sedar bahawa di dalam perkembangan ataupun pengembangan pusat-pusat pengajian sama ada pengajian tinggi seperti universiti atau sebagainya banyak faktor-faktor yang perlu dipertimbangkan selain daripada terdapatnya permohonan-permohonan yang melebihi daripada kemampuan pada hari ini, terutama sekali dari segi kakitangan, tempat dan lain-lain kemudahan yang biasa.

Dato' Chan Siang Sun: Sedar.

Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada pembukaan Universiti Kolej di Kota Bharu, Kelantan termasuk juga ke dalam rancangan yang telah disarankan oleh beliau tadi iaitu perkembangan universiti-universiti tempatan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab universiti baru akan ditubuhkan. Jadi enam. Kalau Universiti Kolej itu masuk universiti induk.

Tuan Lim Kit Siang: Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri berkata mulai sekarang tempat-tempat di universiti-universiti tempatan yang ada akan dikembangkan

dan kalau ada rancangan itu tentulah Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberitahu Dewan ini secara kasar sekurang-kurangnya berapa tempat baru akan diperkembangkan dalam masa tahun depan atau bila-bila.

Dato' Chan Siang Sun: Saya minta notis.

FERI DI BATU KAWAN/SUNGEI JELAWI

13. Tuan Seow Hun Khim minta Menteri Kerjaya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan sama ada beliau sedar bahawa feri di Batu Kawan didapati sangat buruk dan selalu tergendala; jika ya, adakah beliau akan membina sebuah jambatan untuk menyeberangi sungai itu dan jika tidak, adakah beliau akan menggantikan feri lama itu dengan sebuah feri baru.

16. Tuan Karpal Singh minta Menteri Kerjaya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan sama ada Kerajaan bercadang membina sebuah jambatan menyeberangi Sungei Jelawi di Seberang Perai kerana jambatan ini adalah perlu kerana lebih kurang 2,000 penduduk-penduduk Kampung Masjid, Kampung Batu Kawan dan di Batu Kawan menghadapi kesulitan sekarang kerana tidak adanya jambatan.

Timbalan Menteri Kerjaya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, saya pohon izin dalam menjawab soalan ini untuk meliputi jawapan bagi soalan nombor 16 kerana kedua-dua soalan ini adalah perkara yang sama, dengan tujuan yang sama.

Pada menjawabnya, adalah dimaklumkan bahawa tanggungjawab untuk mengadakan kemudahan-kemudahan untuk menyeberangi sungai ini adalah di bawah Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun, saya diberitahu pada masa ini perkhidmatan feri di kawasan ini untuk menyeberangi Sungai Jelawi adalah memuaskan. Oleh itu Kerajaan Negeri tidak ada cadangan buat sementara ini untuk mengadakan jambatan bagi mengganti feri. JKR Pulau Pinang yang mengurus perkhidmatan feri ini sentiasa berusaha membaiki perkhidmatan dari masa ke semasa untuk kepentingan penduduk-penduduk di kawasan itu.

JAWATAN GURU-GURU SEKOLAH

14. Tuan Umar bin Haji Ismail minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada pihak Kementerian akan mengadakan satu dasar pertukaran bagi semua peringkat guru-guru yang lebih berkesan lagi bagi seluruh negara, jika ya bilakah rancangan itu akan dimulakan.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Speaker, semua guru-guru ditukarkan adalah mengikut kepentingan perkhidmatan (Exigencies of Service), kekosongan jawatan guru-guru di sekolah-sekolah dan atas permohonan yang dibuat oleh guru-guru yang ingin bertukar atas sebab-sebab persendirian. Kaedah pertukaran yang dilaksanakan oleh Kementerian pada masa ini adalah memadai dari segi keperluan perkhidmatan pelajaran dan sekiranya guru-guru kerap sangat ditukarkan, maka ini mungkin akan menjejaskan kecekapan dan kemahiran yang diperlukan oleh sekolah-sekolah.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, tadi dinyatakan oleh Timbalan Menteri bahawa kalau sekiranya guru-guru itu ditukar kerap kali sudah tentu ini boleh merosakkan perjalanan pelajaran. Bagaimana di dalam amalan sekarang ini wujud pertukaran yang kerap kali diadakan, misalnya, berlaku kepada seorang guru di Bruas, Perak iaitu setelah ditukar kepada satu sekolah, ditukar pula ke Ipoh dalam masa yang singkat. Begitu juga seorang guru yang saya bangkitkan dahulu iaitu seorang guru ugama yang ditukar ke Johor sekarang hendak ditukarkan pula ke Kedah kembali. Mengapa berlaku pertukaran yang demikian?

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Speaker, apa yang saya jawab dalam jawapan saya tadi iaitu biasanya guru-guru yang ditukar itu berasaskan sebab-sebab yang telah diberikan tadi. Jikalau ada kes yang spesifik tentulah barangkali ada sebab-sebab yang istimewa.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah beliau sedar bahawa guru-guru ini bukan sahaja terlibat dengan murid-murid tetapi guru-guru ini juga terlibat dengan mesyuarat di sekelilingnya. Kalau sekiranya guru itu boleh merosakkan atau memecah-belahkan keadaan masyarakat di sekelilingnya, apakah guru tersebut boleh juga ditukarkan.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Speaker, ini barangkali termasuk dalam kategori kepentingan perkhidmatan.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu sama ada Timbalan Menteri berkenaan sedar bahawa matlamat yang penting dalam sistem persekolahan ini ialah untuk memberi pelajaran yang sebaik-baiknya kepada murid-murid—bukan begitu sangat mementingkan kebajikan guru-guru. Adakah di antara sebab-sebabnya guru-guru terpaksa ditukar kerana sebab ini?

Dato' Chan Siang Sun: Guru-guru dapat ditukar atas apa yang saya katakan dalam jawapan saya tadi. Jadi jikalau ada sebab-sebab yang lain barangkali itu dijadikan soal peribadi.

Tuan Chan Teck Chan: Atas sebab-sebab yang disebutkan oleh Timbalan Menteri, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberikan satu jaminan bahawa penukaran guru tidak berasaskan kerana kepentingan politik Barisan Nasional. Umpamanya, ada beberapa kes berlaku di Melaka guru-guru ditukar kerana dia menegur dasar Kerajaan Negeri.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Speaker, soalnya apa?

Tuan Chan Teck Chan: Soalnya ialah adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberi satu jaminan bahawa penukaran guru tidaklah kerana kepentingan politik Barisan Nasional kerana ada beberapa kes berlaku di Melaka bahawa beberapa guru Melayu telah ditukar kerana dia menegur dasar Kerajaan Negeri Melaka. Adakah beliau sedar

Tuan Yang di-Pertua: Sudah, tidak payah ulang lagi.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Speaker, saya tidak sedar perkara itu.

Tuan Yang di-Pertua: Itulah jawapannya.

Dato' Chan Siang Sun: Ya. (*Ketawa*)

UNITED PLANTATIONS BERHAD

15. **Tuan Lee Kaw** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan apakah tindakan yang telah diambil terhadap United

Plantations Berhad, Teluk Anson, kerana tidak membenarkan pekerja-pekerjanya (locking-outworkers) seramai 125 masuk bekerja kerana perbuatan ini adalah melanggar Akta Perhubungan Perusahaan kerana pertikaian di antara pekerja-pekerja dan majikan yang berkenaan telahpun dirujuk kepada Mahkamah Perusahaan untuk diputuskan.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Datuk K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli Yang Berhormat sendiri mungkin sedia maklum pekerja-pekerja tersebut telah melancarkan mogok mulai daripada 23hb Mac, 1979 kerana pertikaian di antara kesatuan mereka iaitu Kesatuan Kakitangan Ladang-ladang Seluruh Tanah Melayu (AMESU) dan United Plantations Bhd. berkaitan kenaikan gred lapan orang pekerja. Pertikaian ini tidak mencapai penyelesaian dengan saksama sungguhpun beberapa mesyuarat bersama yang dipengerusi oleh seorang pegawai kanan Kementerian saya telah diadakan.

Pihak pengurusan telah menganggap pekerja-pekerja yang melancarkan mogok itu telah memutuskan kontrek perkhidmatan mereka mengikut Seksyen 15(2) Ordinan Pekerja, 1955. Sebaliknya pula pihak kesatuan sama sekali tidak bersetuju sedemikian. Dengan itu pertikaian di antara kedua-dua pihak ini di atas kenaikan gred lapan orang pekerja serta non-employment seramai 125 orang pekerja itu telah dirujuk ke Mahkamah Perusahaan pada 24hb Mei, 1979 dan di bawah Seksyen 26(2) Akta Perhubungan Perusahaan, 1967 untuk satu keputusan. Oleh kerana pertikaian ini sekarang di hadapan Mahkamah Perusahaan untuk dibicarakan, maka adalah dirasai elok bagi semua pihak menunggu keputusannya.

Tuan Lee Kaw: Menurut jawapan dari Timbalan Menteri Buruh, adakah beliau sedar sehingga hari ini walaupun kes ini ada dibawa ke Mahkamah Perusahaan tetapi estet ini sehingga ini locking-out pekerja-pekerja ini. Apakah langkah yang boleh diambil oleh Timbalan Menteri Buruh menyelesaikan perkara ini.

Datuk K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi soal majikan locking-out pekerja-pekerja itu atau tidak adalah dibangkitkan pada masa ini. Majikan

kata ini mogok haram dan dengan sendirinya memutuskan perkhidmatan mereka, pihak Kesatuan tidak bersetuju. Kita telah merujuk perkara ini kepada Mahkamah Perusahaan untuk mendapat satu keputusan yang adil.

Tuan Lim Kit Siang: Mahkamah Perusahaan akan mengambil masa yang agak panjang sebelum mengadakan satu hukuman atau satu award dan dalam satu tahun atau dua tahun ini sebelum Mahkamah Perusahaan mengadakan satu hukuman pekerja-pekerja yang terlibat akan terus dilock-out atau tidak mempunyai kerja. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan atau Kementerian Buruh mengadakan peruntukan-peruntukan di mana sehingga Mahkamah Perusahaan mengadakan satu award pekerja-pekerja semacam kes ini United Plantations Bhd. boleh diarah mengambil balik pekerja-pekerja dan pihak majikan menerima mereka sehingga satu keputusan dibuat oleh Mahkamah Perusahaan supaya keadilan industrial boleh dikekalkan.

Datuk K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang pertama jika Mahkamah Perusahaan akan mengambil masa yang panjang untuk membuat sesuatu keputusan, saya ingin memaklumkan Dewan yang mulia ini bahawa kes ini telahpun dijadualkan untuk didengar pada 22-10-1979, bulan lalu. Tetapi malangnya kedua-dua pihak peguam telah meminta izin Mahkamah untuk menangguhkan kes itu. Mahkamah sendiri telah mengutamakan perbicaraan kes secepat mungkin akan tetapi nampaknya pihak peguam kedua-dua pihak telah minta ditangguhkan dan kes ini adalah dijadualkan untuk perbicaraan pada 2-1-1980. Mengenai cadangan Yang Berhormat itu, perkara seperti ini berkehendakkan pindaan kepada undang-undang yang ada dan memang kita akan memberi pertimbangan untuk satu cara yang wajar dan elok sekali dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua: Masa soal jawab sudah selesai.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1980

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1980

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas Rang Undang-undang Perbekalan, 1980 dan Anggaran Pembangunan 1980 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis. (*Hari Ketigabelas*)

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*
Jawatankuasa)

Tuan Pengerusi: Sebelum saya menjemput Ahli Yang Berhormat dari Kemaman untuk menyambung ucapannya, saya minta kerjasama Ahli-ahli Yang Berhormat supaya menghadkan ucapannya 10 minit tiap-tiap seorang dan saya akan minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab pada pukul 4.30 petang atau lebih awal daripada itu sekiranya tidak ada Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbincangan ini. Sekarang Majlis sedang menimbangankan Anggaran Perbelanjaan di bawah Kementerian Undang-undang, Maksud Bekalan 48, 49 dan 50.

Silakan Yang Berhormat.

Maksud B. 48, B. 49 dan B. 50 (Jadual)—

3.25 ptg.

Tuan Ismail bin Said (Kemaman): Tuan Pengerusi, sebelum Dewan ditangguhkan pada petang semalam saya telah bercakap berhubung dengan penggunaan Bahasa Malaysia di dalam mahkamah.

Sebagaimana yang saya telah cadangkan pada petang semalam bahawa Kementerian ini hendaklah mengambil langkah segera untuk mengadakan program-program penggunaan bahasa Malaysia di Mahkamah

dengan cara berperingkat-peringkat sebagaimana yang dilakukan terhadap Dasar Pelajaran Kebangsaan di mana penggunaan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar dilaksanakan berperingkat-peringkat sehingga ke institusi-institusi pelajaran tinggi. Jadi saya mencadangkan supaya cara yang sama bolehlah digunakan oleh Kementerian ini. Misalnya buat permulaan mulai dari Mahkamah Mejusteret lepas itu ke Mahkamah Sesyen seterusnya ke Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Persekutuan.

Tuan Pengerusi, Jawatankuasa yang mungkin ditubuhkan sebagaimana jawapan soalan mulut yang diberi pada 26-11-79 yang lepas baru-baru ini hendaklah memikirkan program-program yang saya sebutkan tadi dengan serius. Usaha-usaha yang berterusan (continuous effort) hendaklah dijalankan oleh Jawatankuasa ini bagi menuju ke matlamat dalam jangka masa yang secepat mungkin.

Tuan Pengerusi, sebagaimana yang saya telah difahamkan bahawa pada suatu ketika dahulu pernah satu Jawatankuasa yang diberi tugas untuk menjalankan usaha-usaha yang serupa telahpun ditubuhkan tetapi hingga hari ini kita belum mengetahui apakah hasil-hasilnya. Mungkin belum sampai ke tengah jalan agaknya usaha-usaha ini telah diberhentikan. Jadi harapan saya Jawatankuasa baru yang akan ditubuhkan nanti hendaklah jangan menjadi pisang berbuah dua kali.

Berhubung dengan Aktiviti ini juga saya ingin menyentuh dua perkara lagi iaitu berhubung dengan pertama, sebuah buku politik yang berbau perkauman, saya kira bertajuk "Time Bombs in Malaysia" yang dikarang oleh Saudara Lim Kit Siang. Saya rasa buku ini eloklah diharamkan

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, mengikut Peraturan Mesyuarat, tidak mengizinkan menyebutkan nama Ahli melainkan rujuk kepada kawasan pilihannya.

Tuan Ismail bin Said: Minta maaf, Tuan Pengerusi. Buku "Time Bombs in Malaysia" dikarang oleh Ketua Pembangkang, Ahli Parlimen dari Petaling. Saya telah difahamkan bahawa buku ini diedar dalam pasaran dan dijual dengan begitu larisnya dan saya berharap kepada Kementerian yang berkenaan supaya mengambil langkah segera

untuk mengharamkan penjualan buku ini kerana saya percaya buku ini boleh membahayakan keadaan negara kita, dia berbau perkauman. Dan juga kalau boleh tindakan undang-undang hendaklah diambil terhadap pengarangnya.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan perkara yang kedua dalam Aktiviti ini iaitu berhubung dengan peristiwa mogok dan pertikaian yang berlaku di antara MAS dengan EAU baru-baru ini. Oleh kerana perbuatan mereka ini telahpun menjejaskan perkhidmatan MAS dan ekonomi negara saya berharap agar tindakan segera, jika sekiranya tindakan belum diambil, terhadap orang-orang yang terlibat ini atau orang-orang yang bertanggungjawab untuk mendakwa mereka ini ke dalam mahkamah.

Akhir sekali B. 48, Butiran yang sama, Aktiviti (5)—Perkhidmatan Bantuan Guaman. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian ini atas dua perkara. Pertama kerana telah terlibat memberi bantuan guaman yang percuma kepada orang-orang yang berpendapatan rendah atau dengan dikenakan bayaran yang minima dan juga terlibat dengan memberi nasihat undang-undang ataupun perwakilan undang-undang dalam mahkamah. Keduanya tahniah saya ucapkan kerana telah mengadakan satu skim baru yang dinamakan Perkhidmatan Penasihat Luar Bandar (Bantuan Guaman) di mana pegawai-pegawai dan kakitangan Biro ini akan melawat ke kawasan-kawasan luar bandar pada masa-masa yang tertentu untuk memberi bantuan dan nasihat dari segi undang-undang. Tetapi Tuan Pengerusi, agak menghairankan saya sekali lagi sebagaimana yang berlaku pada Aktiviti (2) bilangan jawatan pada tahun 1979 ialah 104 orang tetapi pada tahun 1980 dikurangkan menjadi 103 orang padahal perkhidmatan kita hendak diperluaskan lagi ke luar-luar bandar dan agak menghairankan juga, pegawai dikurangkan tetapi peruntukan yang diminta ditambah.

Pada tahun 1979 pegawainya seramai 104 orang, peruntukannya ialah \$782,400; bagi tahun 1980 jawatan 103 tetapi peruntukan diminta sebanyak \$890,000; perbezaan lebih kurang \$80,000. Jadi, Tuan Pengerusi, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Mungkin agaknya ini melibatkan kenaikan gaji, walau bagaimanapun saya mengharapkan penjelasan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa sudah cukup. Ahli Yang Berhormat dari Petaling.

3.31 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Petaling): Tuan Pengerusi, saya mahu sebut pertama mengenai Perkhidmatan Pendakwaan (Prosecution Services) di bawah Kementerian Undang-undang.

Tuan Pengerusi, tadi Yang Berhormat dari Kemaman telah menyeru pihak Kementerian mengharamkan buku saya 'Time Bombs in Malaysia' dan mendakwa saya di mahkamah. Perkara pengharaman ini bukan di bawah Kementerian Undang-undang oleh kerana ini adalah dalam lingkungan atau tanggungjawab Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri tetapi dalam perkara pendakwaan mungkin ini dalam Kementerian ini. Tetapi saya tidak tahu kenapa Ahli-ahli Parlimen, Yang Berhormat daripada Barisan Nasional begitu takut, mereka takut dengan kenyataan-kenyataan, ucapan-ucapan dan dasar-dasar parti DAP sehingga mahu mengharamkan, mahu tutup semua peluang-peluang untuk membolehkan rakyat dapat tahu apa yang berlaku dalam negara kita.

Tetapi itu lain hal, apa yang saya mahu sebut ialah mengenai Prosecution. Saya rasa adalah sangat mustahak untuk mendapatkan kepercayaan dan keyakinan rakyat terhadap kebebasan (independence) perkhidmatan prosecution bahawa telah berlaku peristiwa sikap 'selective prosecution' di negara kita di mana pendakwaan (prosecution) dijalankan terhadap seseorang oleh kerana dia adalah seorang Pembangkang atau ia adalah daripada golongan yang mengkritik tetapi lain-lain orang daripada pihak pemerintah dibebaskan daripada pendakwaan. Kalau seorang yang menulis sebuah buku yang sudah diharamkan atau akan diharamkan karyanya, itu adalah jenayah, saya mahu dapat satu jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri kenapa pihak yang berkenaan tidak pernah menahan dan mendakwa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang telah mengarang sebuah buku bernama 'The Malay Dilemma'. Buku ini diharamkan dan kenapa kita tidak dengar ucapan-ucapan dan suara-suara yang mendesak supaya Kementerian

Undang-undang mestilah tahan dan dakwa beliau dalam mahkamah oleh kerana dia adalah pengarang buku yang haram.

Inilah apa yang saya sentuh mengenai 'selective prosecution', ukuran-ukuran standard yang hypocritical. Lagi satu contoh ialah di mana terdapat laporan-laporan mengenai complaint terhadap ahli-ahli pemimpin-pemimpin Barisan Nasional ataupun pemimpin-pemimpin yang rapat dengan Barisan Nasional semacam satu complaint ada dibuat terhadap ucapan Yang Berhormat dari Kinabalu yang telah mengeluarkan hujah-hajah yang melanggar Perlembagaan, sensitive tetapi sampai hari ini, sudah hampir 2 tahun, tidak ada apa-apa tindakan dijalankan. Adakah perkhidmatan pendakwaan dijalankan dengan sikap 'selective prosecution'?

Lagi satu contoh, Tuan Pengerusi ialah mengenai perkara Spica-M di mana saya didakwa di mahkamah kerana ada pembocoran rahsia tetapi pihak Kementerian sendiri mengakui apa-apa yang dilaporkan dalam majalah Asian Defence Journal pun merupakan satu pembocoran rahsia, satu breach Akta Rahsia Rasmi sungguhpun kita tahu punca-punca itu adalah daripada Kementerian Pertahanan tetapi mana ada pendakwaan—lagi 'selective prosecution'. Saya harap sikap 'selective prosecution' ini mesti dikikis atau dihapuskan, kalau rakyat mahu percaya dan berasa yakin terhadap prosecution dan Kementerian Undang-undang adalah benar-benar adil dan tidak memihak sesiapa atau kalau ada berlaku kesalahan jenayah atau apa-apa tidak kira tempat, kedudukan taraf atau dekat atau tidak dekat dengan tokoh-tokoh pemimpin Barisan Nasional terus diambil tindakan.

Di sini, Tuan Pengerusi, sebelum saya sentuh aktiviti-aktiviti yang lain, saya mahu dapat satu penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita semua tahu bahawa tanggungjawab atau tugas untuk mendakwa ataupun tarik balik dakwaan itulah satu budi-bicara, satu discretion Pendakwa Raya (Public Prosecutor) dan perkara ini tidak boleh dipersoalkan dalam mahkamah, tetapi dalam menjalankan tanggungjawab ini Pendakwa Raya adalah bertanggungjawab kepada Parlimen dan boleh disoalkan dalam

Parlimen dan kita berhak mengetahui sebab-sebab mengapa satu dakwaan dijalankan atau dakwaan itu ditarik balik.

Di sini saya sentuh mengenai perbuatan tarik balik tuduhan-tuduhan terhadap bekas Menteri Besar Selangor, Dato' Harun Idris—kalau tidak silap 20 tuduhan telah ditarik balik. Apa yang saya hendak tanya di sini ialah atas apa sebabkah penarikan tuduhan-tuduhan ini dibuat di mana Dato' Harun Idris diacquitted daripada semua tuduhan-tuduhan. Adakah ini disebabkan oleh kerana Kementerian Undang-undang atau Jabatan Peguam Negara sudah mendapat tahu bahawa semua tuduhan-tuduhan tidak berasas, bahawa sebenarnya Dato' Harun Idris tidak bersalah dan tuduhan-tuduhan yang dibuat telah dibuat dengan tidak ada alasan-alasan yang baik atau apa? Saya rasa kita berhak tahu sebab-sebab mengapa tindakan ini dijalankan.

Tuan Pengerusi, saya mahu sebut Aktiviti (6)—Biro Siasatan Negara. Sungguhpun kita mempunyai Biro Siasatan Negara tetapi sehingga hari ini Biro Siasatan Negara tidak memberi apa-apa kesan dalam menghapuskan rasuah di tanahair kita. Ada berbagai-bagai sebab kenapa BSN tidak berkesan dan effective untuk mengikis korupsi yang sebenarnya bermaharajalela di tanahair kita. Antaranya ialah kekurangan kakitangan, tidak cukup kuasa bagi pihak BSN tetapi apa yang lebih mustahak ialah tidak ada political will pihak Kerajaan untuk memberi kuasa sepenuhnya kepada BSN untuk mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap sesiapa yang mana ada bukti-bukti bahawa ia menjalankan korupsi.

Di sini saya mahu sebut satu perkara yang berlaku di Sabah di mana Kerajaan Sabah sekarang yang ditubuhkan dengan tujuan menggulingkan rejim pentadbiran dahulu di bawah Tun Mustapha oleh kerana korupsi, sebenarnya Kerajaan baru itu adalah berasaskan korupsi. Kita semua maklum tentang rancangan A, B, C di mana tanah-tanah balak yang seluas lebih daripada 800,000 ekar ada dibahagikan kepada 1,200 pemimpin-pemimpin BERJAYA dan dikategorikan kepada tiga kelas—A, B, C. Kelas A, dalam Dewan ini mungkin ada iaitu terdiri dari Menteri-menteri, pemimpin-pemimpin besar dapat Kelas A, dapat pembahagian yang khas. Pemimpin-pemimpin BERJAYA yang

bukan begitu tertinggi adalah dalam Kelas B dan di peringkat daerah pemimpin-pemimpin bukan ahli-ahli atau cawangan-cawangan, Kelas C—A, B, C. Ini diakui oleh Ketua Menteri Sabah. Ini bukan satu cerita sahaja dan sebab-sebab serta hujah-hujah diberi untuk justifykan mengapa pemimpin-pemimpin BERJAYA patut dapat kemudahan-kemudahan wang supaya kononnya mereka boleh berkhidmat untuk rakyat. Ini tidak boleh dinafikan oleh sesiapa tetapi inilah tentu sebenarnya satu perbuatan korupsi di mana resources negeri dibahagikan kepada pemimpin-pemimpin BERJAYA 1,200; 1,300 supaya mereka boleh berkhidmat untuk rakyat!

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, ada satu minit lagi.

Tuan Lim Kit Siang: Nampaknya BSN tidak begitu tahu tentang hal ini dan mungkin Yang Berhormat Menteri akan berkata beliau tidak tahu. Kalau begitu, banyak hal korupsi yang bermaharajalela, rakyat tahu, BSN tidak tahu. Saya berharap bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberi satu jawapan mengenai kenapa tindakan korupsi terhadap A, B, C tidak dijalankan dan adakah satu siasatan akan dijalankan dan mereka yang bersalah didakwa di mahkamah termasuk Ketua Menteri Sabah.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Dungun.

3.43 ptg.

Tuan Awang bin Jabar (Dungun): Tuan Pengerusi, saya ingin bercakap Maksud Bekalan B. 48, Butiran 1100, Aktiviti 2—Perkhidmatan Perundangan dan Penasihat yang telah memohon peruntukan sejumlah \$2,444,000 bagi tahun hadapan.

Tuan Pengerusi, tiga tujuan besar bahagian Perkhidmatan Perundangan dan Nasihat Kementerian Undang-undang ini ialah pertama menderafkan Rang Undang-undang dan memberi nasihat kepada Kementerian-kementerian atau Pentadbiran Negeri-negeri. Kedua menggubal, menterjemah dan menyemak Rang Undang-undang bagi kegunaan tempatan dan antarabangsa. Ketiga menyelenggara dan mengemaskan semua undang-undang bagi negara.

Walaupun bahagian Perkhidmatan Perundangan dan Penasihat ini mempunyai enam bahagian-bahagian kecil termasuk bahagian-bahagian penasihat, penggubalan penterjemahan antarabangsa, semakan undang-undang dan perpustakaan, namun saya belum pasti keenam-enam bahagian kecil ini merangkumi soal-soal perundangan Islam.

Tuan Pengerusi, Islam dan Syariatnya yang diturunkan oleh Allah subhanahu wataala untuk kesejahteraan umat manusia dari segi kemampuan dan kewibawaannya tidak sayugia dipertikaikan lagi oleh sesiapa pun. Walau pun ada suara-suara sumbang yang mengatakan bahawa Undang-undang Islam tidak boleh dipraktikkan dalam sebuah negara atau satu masyarakat yang multi-racial dan berbilang ugama seperti di negara kita ini, walaupun ada dakwaan terbuka dibuat mengenai orang-orang Islam di negara ini tidak mahukan perundangan Islam dilaksanakan, namun begitu Kementerian Undang-undang sebagai salah sebuah Kementerian yang mendokong Kerajaan yang menjadikan Islam sebagai ugama rasmi di negara ini, langkah-langkah ke arah perlaksanaan undang-undang Islam secara lengkap di negara ini wajiblih diambil dengan segera.

Tuan Pengerusi, pada hemat saya dakwaan-dakwaan itu adalah hasil dari kejahatan orang-orang yang mendakwa itu sendiri tentang keunggulan undang-undang Islam atau dari sendiket-sendiket yang hendak merosakkan Islam walau apa pun kemungkinan, yang hak itu adalah hak dan dalam hubungan ini Kementerian Undang-undang tidak seharusnya terpengaruh dengan suara-suara sumbang dan dakwaan-dakwaan yang tidak benar itu.

Tuan Pengerusi, sekarang ini cuma undang-undang keluarga dan undang-undang pesaka. . . .

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, perkara ini sepatutnya dibahaskan pada masa dasar Am dibincangkan bukan dasar Perkhidmatan. Ini sudah terkeluar daripada dasar Perkhidmatan.

Tuan Awang bin Jabar: Tuan Pengerusi, saya sambung sedikit lagi.

Tuan Pengerusi: Kalau sambung tidak boleh, kalau perkara lain—boleh.

Tuan Awang bin Jabar: Oleh itu, saya mencadangkan bahawa sebagai satu langkah ke arah melaksanakan undang-undang Islam di negara ini yang boleh dimainkan oleh Kementerian Undang-undang di bawah Aktiviti (2) ini, saya mencadangkan supaya:

1. Yunit pelaksanaan undang-undang . . .

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, itu di luar daripada tujuan ini. Aktiviti (2) ini ialah Perkhidmatan Perundangan dan Penasihat mengikut konteks yang ada sekarang. Kalau ada hendak dibahaskan dasar itu, dasar perkhidmatan sekarang. Masa membincangkan dasar am itu, boleh disebut tetapi kalau dalam Jawatankuasa, tidak boleh. Kalau ada perkara lain, boleh diteruskan.

Tuan Awang bin Jabar: Jadi dalam Aktiviti (2) ini, saya mencadangkan supaya di bawah Seksyen 6 bahagian-bahagian penggubalan itu hendaklah juga Kementerian ini memasukkan penggubalan undang-undang Islam.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

3.48 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Pengerusi, yang pertama saya ingin merujuk kepada Kepala B. 48, Aktiviti (6)—Biro Siasatan Negara.

Tuan Pengerusi, atas perkara ini, saya menyokong apa yang telah dikatakan oleh wakil dari Petaling tadi bahawa kami sentiasa menyuarakan bahawa dalam memerangi terhadap semua bentuk rasuah di negara kita BSN mestilah menjadi satu badan yang benar-benar bebas dan dilengkapkan dengan kuasa yang penuh, yang lebih dan ramai lagi kakitangan terlatih diambil untuk menguruskan semua jenis atau bentuk perbuatan rasuah di negara kita.

Saya mendapat tahu bahawa peruntukan untuk tahun depan ialah berjumlah lebih kurang \$8.8 juta dan bilangan jawatan bertambah daripada 693 pada tahun ini kepada 745 untuk tahun 1980. Dengan penambahan kakitangan, saya berharap bahawa BSN akan berupaya untuk memainkan satu peranan yang lebih berkesan dalam

memerangi semua bentuk perbuatan rasuah di negara ini dan benar-benar berupaya untuk memikul tugas dan tanggungjawabnya dengan adil dan saksama dengan tidak membeza pangkat dan kedudukan mereka yang disiasat itu. Apa yang lebih penting ialah bahawa BSN mestilah dilengkapi dengan lebih banyak kuasa yang membolehkan menguruskan semua jenis rasuah yang boleh dikatakan sophisticated dan saya suka mencadangkan bahawa Kerajaan tahu Timbalan Menteri yang berkenaan atau Menteri yang berkenaan tidak ragu-ragu untuk meminda selanjutnya Akta Biro Siasatan Negara atau Akta Pencegahan Rasuah tahun 1961 atau semua Akta yang lain di bawah bidang kuasa atau lingkungan BSN dalam menentukan bahawa kuasa-kuasa tertentu memang ada diperuntukkan untuk membolehkan Badan tersebut dapat bergerak dengan lebih berkesan.

Dalam konteks ini, saya suka menggesa supaya satu penyemakan semula perundangan-perundangan yang ada dibuat untuk meneliti mana-mana kekurangan yang perlu ditambah.

Saya ada memerhatikan daripada ucapan Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa Biro Siasatan Negara selalu bertindak adil tanpa memihak mana-mana ke atas kesemua orang dengan tidak mengira pangkat dan kedudukan mereka yang disiasat itu yang terlibat dengan rasuah. Dalam hubungan ini saya suka menyeru Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya memberitahu Dewan ini sejauh mana tugas ini telah dilaksanakan dan sehingga hari ini berapakah bilangan "ikan yu" yang telah disiasat.

Mengenai soal untuk membasmi rasuah yang berlaku di dalam industri perumahan, Dewan ini telah diberitahu pada 16hb November, 1979 oleh Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan bahawa lima pemaju perumahan sedang disiasat oleh Biro Siasatan Negara. Memandangkan hal ini, saya suka menyeru kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan dapat kiranya memberitahu Dewan ini bentuk dakwaan ataupun tuduhan yang dikenakan ke atas lima pemaju perumahan itu supaya pihak awam, terutamanya bakal-bakal pembeli rumah mengetahui apakah jenis pengaduan-pengaduan yang mereka boleh adukan kepada BSN. Tindakan BSN untuk

menyiasat ke dalam industri perumahan dan bangunan adalah tepat dan boleh dikatakan kena pada masanya, oleh kerana terdapat banyak penyelewengan dan menyalahgunaan kuasa yang sedang menular dan bersarang dalam industri itu, terutamanya yang ada berkenaan dengan pemaju-pemaju perumahan yang tidak bertanggungjawab. Satu aspek yang harus mendapat perhatian khususnya pihak BSN ialah berkenaan dengan pengaduan-pengaduan biasa bahawa bakal-bakal pembeli rumah dikehendaki membuat bayaran "bawah meja" (under-the-counter payment) sebelum mereka boleh memperolehi rumah-rumah. Ini adalah satu perkara yang serious dan saya harap BSN akan dapat bertindak untuk mengatasinya.

Perkara yang kedua, yang saya ingin menyentuh ialah mengenai Aktiviti (5) Perkhidmatan Bantuan Guaman.

Mengenai Biro Bantuan Guaman saya mendapat tahu bahawa Biro Bantuan Guaman mempunyai satu Bahagian Perkhidmatan Penasihat Luar Bandar, bantuan guaman yang melibatkan pegawai-pegawai Biro ini melawat ke kawasan-kawasan luar bandar pada masa-masa yang tertentu untuk memberi nasihat dan bantuan di tempat itu. Jika dibanding dengan tugas dan aktiviti-aktiviti Biro Bantuan Guaman ini, saya berpendapat bahawa peruntukan sebanyak \$860,000 untuk tahun depan adalah terlalu kecil. Lebih-lebih lagi saya memerhatikan bahawa bilangan jawatan telahpun dikurangkan satu untuk tahun 1980 jika dibandingkan pada tahun ini daripada 104 kepada 103 jawatan. Saya anggap bahawa kakitangan perlulah ditambah untuk membolehkan Biro ini memberikan lebih banyak perkhidmatan yang bernilai kepada mereka yang miskin dan memerlukan perkhidmatan nasihat undang-undang yang percuma. Dalam hubungan ini saya ingin mengesyorkan bahawa Khidmat Nasihat Luar Bandar Biro Bantuan Guaman patutlah menyusun program lawatan ke kampung-kampung baru yang mempunyai penduduk yang ramai untuk memberi nasihat undang-undang percuma kepada orang-orang miskin di Kampung-kampung Baru. Satu contoh yang baik ialah Kampung Seri Kembangan yang mempunyai penduduk seramai 30,000 yang sangat-sangat memerlukan nasihat undang-undang percuma dan bantuan daripada Biro itu.

Tuan Pengerusi, yang akhirnya saya suka menyetujui mengenai Aktiviti (2) Perkhidmatan Perundangan. Atas perkara ini saya ingin memberitahu Dewan ini bahawa pada persidangan Parlimen yang lalu saya ada membangkitkan soalan bagaimana perlunya Kerajaan menubuhkan segera satu skim ganti rugi kemalangan jalanraya (no-fault road accident compensation scheme). Sekiranya skim ini dapat dilaksanakan saya suka mengesyorkan bahawa jumlah bayaran pampasan setiap mangsa kemalangan jalanraya akan dan patut ditentukan oleh satu Suruhanjaya yang dipengerusikan oleh seorang Hakim Mahkamah Tinggi yang ditubuhkan di bawah Tabung Ganti Rugi. Dengan cara ini mangsa kemalangan jalanraya mendapat menerima bayaran pampasan lebih cepat daripada melalui proses mahkamah yang biasanya memakan masa yang amat panjang dan juga satu proses yang mahal dan tidak menguntungkan mangsa kemalangan jalanraya. Ini juga secara tidak langsung dapat merengangkan beban mahkamah yang penuh dengan berbagai kes untuk diselesaikan.

Tuan Pengerusi, pada 12hb Oktober, satu soalan lisan telah dibuat oleh rakan saya wakil dari Jelutong dan beliau telah kemukakan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan berhubung dengan sebab-sebab kelambatan perlaksanaan skim ini oleh pihak Kerajaan.

Dalam jawapannya, Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan bahawa Kerajaan ada mengambil masa yang lama untuk mengkaji skim ini dengan teliti kerana akibatnya amat besar dan termasuk penglibatan dari segi kewangan, perundangan, dan pentadbiran dan kepentingan rakyat. Kepada soalan tambahan saya, yang berbunyi—"Mengapakah Kerajaan harus mengambil masa yang begitu lama, kalau tidak salah saya, 2½ tahun yang lepas untuk membuat keputusan untuk melaksanakan skim itu".

Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan menjelaskan bahawa oleh kerana ianya juga melibatkan kewangan yang besar dan kepentingan pembayar-pembayar cukai maka adalah wajar mengambil masa sedikit lagi untuk menentukan baik buruknya skim itu. Oleh kerana skim gantirugi New Zealand itu telah berjalan selama 5 tahun atau lebih saya yakin tentu pengalaman New Zealand

selama 5 tahun itu telah memberikan gambaran yang baik dan menggalakkan dan memberi pengaruh yang baik untuk Kerajaan kita membuat satu keputusan.

Untuk menegerakan keputusan untuk skim ini, saya mencadangkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya menubuhkan satu pasukan petugas (task force) khusus untuk skim ini supaya pertelingkahan di dalam hal ini tidak wujud sebaliknya dapat memberikan atau membawa keputusan yang baik dan lebih awal. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat memberikan penjelasan kepada perkara ini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Pasir Puteh.

3.56 ptg.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad (Pasir Puteh): Tuan Pengerusi, saya menyokong peruntukan yang diminta. Saya akan bercakap di dalam B. 48, Aktiviti (6) Biro Siasatan Negara, yang memperuntukkan sebanyak \$8,833,000.00 dan juga didapati kekurangan sebanyak \$1 juta lebih. Ini merupakan satu perbelanjaan yang kebelakang bukan ke hadapan, kerana kita dapati di dalam Biro Siasatan Negara ini kekurangan kakitangan, maka sepatutnya peruntukan ini ditambah.

Tuan Pengerusi, di dalam Biro Siasatan Negara kita dapati orang yang memberi rasuah adalah sama kesalahannya dengan orang yang menerimanya mengikut undang-undang dan tafsiran rasuah. Tetapi malangnya orang yang menerima rasuah sahaja yang menerima hukuman ataupun kedua-dua dibebaskan kalau orang yang menerima tidak disabitkan kesalahannya. Banyak contoh-contoh atau kes-kes rasuah yang berlaku dengan keputusan orang yang menerima dihukum dan orang yang memberi dijadikan saksi sahaja. Sekiranya yang menerima itu dihukum kerana kesalahan rasuah maka dengan sendirinya sama ada terang-terang ataupun samar-samar yang memberi itu telah bersubahat melakukan rasuah kerana orang yang memberi itu menerima faedah dan keuntungan yang lebih besar daripada yang menerima rasuah itu. Kalau tidak si pemberi itu melakukan rasuah maka rasuah itu tidak akan berlaku.

Tuan Pengerusi, oleh itu saya mensifatkan perbuatan orang yang memberi rasuah itu lebih berbahaya daripada orang yang menerimanya. Kerana pertama, orang yang memberi rasuah itu menjadikan pemberiannya itu sebagai perangkap untuk menganiaya dan merosakkan kehidupan pegawai-pegawai yang menerimanya walaupun perbuatan menerima itu bukan amalan pegawai itu. Kerana wang merupakan syaitan ataupun merupakan satu perkara yang kita tidak boleh menolak sekiranya benda itu diletak di tempat yang terang ataupun dengan keadaan yang senang. Jadi apabila orang yang memberi tidak diutamakan atau dikenakan hukuman lebih berat ataupun kadang-kadang tidak disabitkan kesalahannya menjadikan sebagai penggalak pula kepada orang ramai untuk memberi rasuah dan melakukan korupsi dengan sewenang-wenangnya.

Oleh kerana orang yang memberi korupsi ini lebih ramai daripada penerimanya maka akan lahirlah dalam masyarakat kita satu masyarakat yang suka memberi rasuah untuk memudahkan segala urusan dan meminta tindakan undang-undang tidak akan diambil kepada beliau. Orang yang memberi rasuah ini juga saya anggap sebagai penyebar ataupun sebagai pencipta korupsi yang sebenarnya dalam masyarakat. Kerana mereka ini telah memberi sesuatu kepada pegawai dan kakitangan Kerajaan dengan tujuan untuk memperalatkan pegawai-pegawai Kerajaan demi untuk kepentingan diri mereka. Mereka tidak akan memberi, kalau pemberiannya tidak menguntungkan dirinya. Jadi keuntungan dan faedah atau kepentingan yang akan didapati oleh pihak pemberi adalah lebih baik, adalah lebih besar daripada penerimanya. Oleh itu orang yang memberi merupakan pencipta korupsi ataupun mereka ini patut menerima satu hukuman yang lebih berat daripada orang yang menerimanya. Sekiranya mereka tidak melakukannya, saya percaya pegawai Kerajaan tidak akan berani memintanya, tanpa itu keadaan rasuah tidak akan berlaku. Oleh itu kedua-dua bersalah. Kerana diajar memberi maka amalan itu menjadi biasa maka pegawai Kerajaan akan cuba melengahkan tugasnya, ini juga akan melemahkan pegawai-pegawai Kerajaan dalam menjalankan tugasnya.

Selalunya pihak pemberi ini terdiri daripada orang-orang kaya atau taukeh-taukeh yang banyak wang. Jadi orang seperti inilah patut dihukum dahulu sebelum pegawai me-

nerima rasuah itu dihukum. Kerana orang seperti ini telah melakukan pemberian rasuah ini tidak sekali, mungkin telah berkali-kali dan telahpun menjadi amalan biasanya untuk melakukan rasuah kepada berpuluh-puluh pegawai dan kakitangan Kerajaan dan juga kepada orang-orang politik, oleh kerana dirinya seorang pengamal memberi rasuah dan telah mendapat keuntungan yang besar dari penyelewengan yang dilakukannya. Sebab itu saya katakan tadi, orang yang memberi rasuah ini merupakan satu pencipta korupsi di dalam masyarakat.

Apa yang kita dengar selama ini, pihak yang menerima sahaja dihukum tetapi pihak yang memberi dibebaskan, walaupun undang-undang rasuah telahpun lengkap untuk melaksanakannya. Apabila seorang yang menerima itu disabitkan kesalahan atau dihukum, maka yang memberi dengan sendirinya bersalah dan patut menerima hukuman yang lebih berat lagi. Bagi menghapuskan penyalahgunaan dadah di dalam Akta Dadah Berbahaya bukan sahaja pengguna atau penyalahgunaan dadah dihukum tetapi pengedarnya dan penjualnya dikenakan hukuman yang berat dan dianggap paling berbahaya dan boleh menjahanamkan beribu-ribu masyarakat.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Oleh itu bagi menghapus atau memben-teraskan perbuatan rasuah ini, bukan sahaja penerima atau pegawai-pegawai yang melakukan rasuah tetapi juga yang pemberinya. Ini merupakan penyebar ke arah melakukan rasuah. Selagi orang-orang yang mencari kesempatan dan keuntungan dengan jalan salah ini tidak dihapus atau dikenakan hukuman berat, selama itulah rasuah masih berlaku dan masih bermaharajalela untuk memperdayakan pegawai-pegawai atau kakitangan Kerajaan atau sesiapa sahaja walaupun kakitangan BSN ini ditambah atau diberi latihan seberapa cekap sekalipun.

Hukuman yang dijatuhkan kepada orang yang melakukan rasuah juga dianggap sebagai penggalak atau daya penarik orang-orang itu melakukan rasuah kerana hukuman jel tidak dilakukan. Saya ingin bertanya pihak berkenaan, berapa ramai orang-orang melakukan rasuah ini dijel atau dikurung ke dalam penjara. Setahu saya, kebanyakannya didenda dengan wang sahaja. Denda

dengan wang tidak akan boleh meng-insafi dan memberhentikan seseorang itu melakukan rasuah. Bahkan dengan senyum dan mudah sahaja orang itu membayarnya. Kerana sekiranya atau misalnya seseorang itu telah melakukan rasuah \$50 atau \$100 ribu adalah melegakan kepada mereka membayar denda yang hanya dikenakan \$14-\$15 ribu sahaja. Jadi orang seperti ini tetap akan melakukan rasuah. Oleh itu saya mencadangkan sama ada melalui pelaksanaan undang-undang yang ada atau membuat undang-undang baharu supaya diadakan hanya hukuman jel sahaja tanpa hukuman denda. Cara ini akan lebih menginsafi lagi orang-orang yang suka melakukan rasuah. Kerana wang yang dibayar; hasil daripada perbuatan rasuah selama ini telah menyenangkan kehidupan mereka dan tidak akan menghentikan atau menyedari mereka daripada melakukan rasuah.

Bagi menghapuskan golongan pemberi rasuah ini, hanya akan dapat diatasi dengan kerjasama oleh pihak pegawai-pegawai Kerajaan supaya melaporkan perkara ini sekiranya dilakukan oleh pihak pemberi walaupun kita tidak kedapatan ramai pegawai-pegawai yang melaporkan ini.

Dalam pelaksanaan hukuman sesuatu kesalahan kebanyakan tidak begitu tegas dan masih takut-takut untuk melaksanakannya, seolah-olah tidak begitu percaya kepada undang-undang yang ada dan keadilan hukuman yang dijatuhkan kepada penjenayah-penjenayah. Misalnya, saya ingin bertanya berapa orangkah orang-orang salah yang telah dijatuhkan hukuman gantung ataupun hukuman mati yang telah dilaksanakan atau dijalankan? Baik orang itu melakukan di bawah kesalahan ISA atau Akta Dadah Berbahaya atau kesalahan jenayah lain, yang tidak dijalankan hukumannya. Mengapa mereka masih dikurung?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa sudah cukup, kalau ada sedikit sambungan, saya beri seminit lagi.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Oleh itu saya mencadangkan supaya 53 hukuman mati yang tidak dijalankan oleh Kerajaan maka hendaklah dijalankan segera, kita tidak mahu seolah-olah kita takut kepada hukuman dan keadilan yang ada pada kita dan kita tidak mahu menjalankan sehingga 52 hukuman di bawah kes ISA tidak di-

jalankan sejak tahun 1975 dan dua orang daripadanya penyalahgunaan dadah tetapi akhirnya seorang telah dimaafkan dan dihukum jel seumur hidup. Ini merupakan satu daripada perkara yang patut diambil tindakan tegas oleh pihak Kerajaan kerana hukuman mati ini kalau sekiranya ditangguh-tangguhkan maka akan melibatkan satu-satu perkara yang tidak baik kepada Kerajaan kerana mereka ini telah ditentukan oleh pihak Kerajaan bahawa mereka ini tetap bersalah dan mereka ini patut menerima hukuman. Mengapa semenjak tahun 1975 lagi mereka dikurung atau semenjak tahun 1975 lagi kedudukan 53 orang hukuman mati ini tidak dijalankan hukuman. Oleh itu tindakan hukuman-hukuman ini janganlah dilengahkan seolah-olah Kerajaan kita takut kepada kenyataan dan takut kepada keadilan yang telah kita jalankan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Pagoh.

4.06 ptg.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohamed Yassin (Pagoh): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Maksud Bekalan B. 48, Butiran 1100, 1200 dan 2100, Aktiviti (6)—Biro Siasatan Negara. Saya ingin mengambil bahagian untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas usaha-usaha cemerlang yang telah dijalankan oleh pegawai-pegawai BSN di dalam membenters serta mengawal keluasan kegiatan rasuah dan penyalahgunaan kuasa di sektor awam dan swasta dan telah memberikan sumbangan yang berfaedah terhadap mencapai hasrat dan cita-cita murni rakyat dan Kerajaan bagi menjamin kesejahteraan ekonomi dan sosial melalui sebuah jentera Kerajaan yang bersih dan jujur.

Tuan Pengerusi, sesungguhnya BSN telah dapat memainkan peranannya yang diharapkan dan telah mendapat kejayaan dan keyakinan yang bertambah dari rakyat yang menyedari akan hakikat tentang bahaya rasuah ataupun korupsi dan kesannya akan ditimpa oleh negara sekiranya ia tidak diperangi habis-habisan. Rasuah dalam apa bentuk pun perlu dibenters. Justeru itu, Tuan Pengerusi, BSN perlu mempunyai pegawai-pegawai yang benar-benar jujur, berani dan penuh bertanggungjawab dan berdedikasi dan juga mempunyai morale yang sentiasa tinggi bagi membolehkan mereka

menjalankan tugas dengan licin, kemas, adil dan berkesan. Hakikat ini yang perlu disedari oleh BSN bahawa mereka telah diberikan satu tugas dan tanggungjawab yang amat berat iaitu onerous duty dan selalunya tidak menyenangkan bahkan kadang-kadang membahayakan.

Saya sukacita memerhatikan, Tuan Pengerusi, bahawa di dalam Anggaran Belanjawan 1980 jawatan-jawatan di BSN telah ditambah dari 693 dalam tahun 1979 kepada 745 bagi tahun 1980. Pertambahan kaki-tangan dan pegawai-pegawai ini sudah semestinya meningkatkan prestasi Jabatan ini dan akan pasti dapat meningkatkan usahanya dengan secara yang lebih meluas lagi bagi membenters kegiatan-kegiatan korupsi dan penyalahgunaan kuasa di semua bidang kegiatan di negara ini. Tetapi saya merasa muskil oleh sebab walaupun bilangan kaki-tangan bertambah Kementerian hanya memohon \$8,833,000 kurang sebanyak lebih kurang \$1.1 juta kalau dibandingkan dengan peruntukan bagi tahun 1979.

Saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini, Tuan Pengerusi, terhadap satu perkara yang menjadi perbincangan hangat di dalam dan di luar BSN dan khususnya perkara-perkara yang dapat kita baca yang diterbitkan di dalam mass media tempatan, iaitu tentang keadaan skim gaji dan perkhidmatan serta kemudahan-kemudahan sampingan (fringe benefit) bagi Pegawai-pegawai BSN yang telah menyebabkan rasa tidak puas hati yang menyeluruh di dalam BSN sendiri dan sedang membawa satu akibat kejatuhan moral ataupun semangat dan menjejaskan kecekapan jentera pentadbiran Badan Pencegah Rasuah ini. Bukanlah menjadi hasrat saya di sini untuk mencampuri hal-hal urusan di dalam pentadbiran BSN tetapi saya berpendapat bahawa perkara ini amatlah penting diberikan perhatian segera oleh Kerajaan khususnya Jawatankuasa Kabinet mengenai gaji supaya keadaan kesulitan dan ketidakpuasan hati yang dialami oleh Pegawai-pegawai BSN ini dihapuskan secepat yang mungkin.

Masalah yang menjadi kesugulan di kalangan Pegawai-pegawai BSN, Tuan Pengerusi, ialah bahawa sebelum pelaksanaan Gaji Jawatankuasa Kabinet dilaksanakan, kedudukan tanggagaji dan syarat-syarat perkhidmatan Pegawai-pegawai BSN adalah salah satu yang terbaik dari lain-lain

perkhidmatan di dalam sektor awam. Ini adalah selaras dan setimpal dengan kedudukan mereka sebagai mereka yang terpilih dari perkhidmatan Pasukan Polis Di Raja Malaysia dan juga Kastam Di Raja Malaysia, iaitu sebagai "the cream of the Police Force", dengan izin, Tuan Pengerusi, petikan daripada kata-kata Allahyarham Ketua Polis Negara yang lalu. Mereka adalah dilantik dari perkhidmatan-perkhidmatan tersebut berdasarkan rekod-rekod perkhidmatan yang cemerlang dan kerana kegigihan serta sikap mereka yang sanggup memikul tugas yang maha berat dan merbahaya sebagaimana yang diperlukan oleh BSN. Tetapi apa yang mendukacitakan mereka ialah selepas Laporan Jawatankuasa Kabinet mengenai gaji dilaksanakan, kedudukan tanggagaji serta syarat-syarat perkhidmatan adalah lebih tidak selaras dan lebih rendah daripada apa yang dinikmati oleh mereka sebelumnya. Keadaan anomali-anomali ini menyeluruh bagi beberapa peringkat jawatan-jawatan di dalam BSN.

Komplen utama yang timbul ialah Laporan Jawatankuasa Kabinet, 1977 telah memperuntukkan kepada Pegawai-pegawai BSN tanggagaji yang tidak berpadan (commensurate) dengan tugas dan tanggungjawab yang diberikan kepada mereka. Tanggagaji mereka yang juga telah diasingkan dari tanggagaji Pegawai-pegawai Polis Di Raja Malaysia, Angkatan Tentera dan Pegawai-pegawai Kehakiman yang lain atas sebab bahawa tugas dan tanggungjawab dan terms and condition of service mereka tidak dapat disamakan dengan lain-lain perkhidmatan di dalam sektor awam.

Berpunca dari sebab-sebab inilah, Tuan Pengerusi, sehingga ini saya difahamkan ramai daripada Pegawai-pegawai BSN telah berhenti dari jawatannya dan menjawat jawatan lain dalam Jabatan-jabatan yang lain ataupun di sektor swasta, juga pihak pentadbiran BSN difahamkan menghadapi masalah yang besar bagi mengisi kekosongan-kekosongan yang berlaku disebabkan pemohon-pemohon bagi jawatan yang baru tidak begitu tertarik dengan gaji dan lain-lain kemudahan jika ada yang ditawarkan bagi jawatan-jawatan di BSN dibandingkan dengan lain-lain jawatan di dalam sektor awam. Ini terbukti jelas dengan kurangnya sambutan di dalam "Operasi Isi Penuh" yang sedang dijalankan oleh PSD dengan kurangnya kehadiran tiap-tiap kali temuduga

dipanggil oleh PSD untuk mengisi kekosongan jawatan-jawatan tersebut. Pegawai-pegawai BSN juga difahamkan tidak diberikan kemudahan-kemudahan yang setimpal dengan bentuk kerja yang mereka jalankan. Contohnya ada juga Pegawai-pegawai BSN dilaporkan yang tugasnya untuk menyiasat kes-kes rasuah tidak diberikan kemudahan pengangkutan seperti kenderaan motokar dan ada pula yang terpaksa menaiki motosikal ataupun basikal, bas dan lain-lain bentuk pengangkutan yang kurang efficient dan secara langsung ataupun tidak langsung mencemarkan nama baik jawatan yang mereka pegang.

Baru-baru ini di dalam sebuah akhbar tempatan dilaporkan iaitu sekiranya kedudukan syarat-syarat perkhidmatan dan tanggagaji mereka ini tidak diperbaiki besar kemungkinan lebih ramai Pegawai-pegawai BSN akan berhenti dari jawatannya dan sekiranya ini berterusan, saya bimbang ianya akan secara langsung menjejaskan kecekapan dan keutuhan serta prestasi BSN yang akhirnya akan melemahkan jentera Kerajaan ini dan akan terus bermaharajalela kegiatan-kegiatan korupsi dan penyalahgunaan kuasa.

Bagi memperbaiki kedudukan ini sebenarnya saya difahamkan sebuah Jawatankuasa Khas telahpun dibentuk untuk mengkaji semula tanggagaji dan syarat-syarat perkhidmatan Pegawai-pegawai BSN dengan tujuan untuk mengemukakan cadangan-cadangan balas dalam bentuk memorandum bagi membetulkan anomali-anomali yang wujud di dalam Laporan Jawatankuasa Kabinet tersebut. Cadangan-cadangan dan memorandum ini telahpun dikemukakan kepada pihak Kementerian sejak tahun 1977 lagi dan ramai daripada Yang Berhormat Menteri-menteri yang berkenaan yang bertukar ganti telahpun memberikan perakuan untuk menyokong rayuan Pegawai-pegawai BSN ini, akan tetapi sehingga hari inipun belum ada satu jawapan yang diketahui telah diberikan kepada pihak pegawai-pegawai tersebut yang positif. Saya tidak tahu di manakah kesilapannya.

Saya suka mengemukakan satu contoh di mana ianya menjadi punca masalah di kalangan Pegawai-pegawai BSN. Contohnya, semasa BSN ditubuhkan dalam tahun 1973 skim perkhidmatan bagi jawatan Penolong Pegawai Siasatan adalah yang terbaik dibandingkan dengan kakitangan Kerajaan yang lain di dalam paras yang sama. Tangga-

gaji mereka ini umpamanya sampai ke maksima \$1,500 (tanggagaji maksima) yang merupakan lebih baik dari lain-lain perkhidmatan di dalam bahagian yang sama, iaitu di Bahagian Executive dan Sub-Professional. Dengan terlaksananya Laporan Gaji Kabinet, Penolong Pegawai Siasatan ini telah diletakkan di dalam tanggagaji B. 11 bersama-sama dengan perkhidmatan-perkhidmatan lain seperti Jurulatih Sukan

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa sudah cukup. Saya beri seminit lagi, tolong gulung.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohamed Yassin: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Pegawai Seranta di Muzium Negara dan lain-lain jawatan serupa ini, manakala lain-lain tanggagaji telah bertambah dengan banyaknya, tanggagaji bagi jawatan Penolong Pegawai Siasatan terhenti. Dengan menyamakan tanggagaji mereka ini dengan jawatan-jawatan yang lain sebagaimana yang disebutkan tadi, Jawatankuasa Kabinet telah tidak mengambil kira atas sifat-sifat tugas dan tanggungjawab yang istimewa dan berat yang telah dikemukakan oleh Pegawai-pegawai BSN ini. Walaupun begitu, saya berharap Pegawai-pegawai BSN akan dapat terus menjalankan tugasnya dengan penuh dedikasi dan saya juga berharap supaya Kerajaan akan dapat mengambil perhatian yang berat di atas perkara ini supaya masalah-masalah kerumitan dan juga kesugulan yang dihadapi, khasnya terhadap skim tanggagaji dan juga syarat-syarat perkhidmatan lain kepada Pegawai-pegawai BSN ini akan dapat diatasi dengan seberapa baik yang boleh.

Akhirnya saya sekali lagi mengucapkan terima kasih dan menyokong di atas peruntukan Kementerian ini.

Tuan Pengerusi: Saya jemput Yang Berhormat dari Kota Melaka.

4.18 ptg.

Tuan Chan Teck Chan (Kota Melaka): Tuan Pengerusi, saya akan sentuh Butiran 1100, Aktiviti (6)—Biro Siasatan Negara.

Tuan Pengerusi, saya tidak merasa terperanjat apakah sebabnya BSN sejak ianya ditubuhkan pada tahun 1973 tidak merasa lemah dan incompetent untuk menjalankan

tugasnya. Di sini saya hendak berikan angka-angka, umpamanya pada tahun 1978 sebanyak 6,139 maklumat diterima oleh BSN tetapi hanya 1,386 disiasat yang hanya 250 orang ditangkap dan disaman. Dari angka-angka ini sudah menunjukkan beberapa kepincangan dan kelemahan jentera dan organisasi BSN, umpamanya dari segi organisasi adakah wajarnya BSN di bawah Akta Biro Siasatan Negara ianya diletakkan di bawah tanggungjawab Kementerian Undang-undang, dengan erti yang lain ialah BSN hanya bertanggungjawab terhadap seorang Menteri Undang-undang, apakah sebabnya sebuah badan yang anti korupsi, yang berkecuali dan tersendiri ini tidak boleh diletak di bawah kawalan dan tanggungjawab Parlimen. Disebabkan BSN ditubuhkan di bawah Akta yang tidak begitu bijaksana ini maka sudah mengakibatkan BSN tidak dapat menjalankan tugasnya yang berkecuali dan dengan kuasa yang sepenuhnya untuk menjalankan siasatan terhadap aduan-aduan yang diterima.

Sungguhpun banyak maklumat-maklumat dan laporan-laporan diterima oleh BSN tetapi bila siasatan dijalankan hanya atas asas pilihan sahaja untuk menyiasat sasaran-sasaran yang dilaporkan oleh orang ramai. Umpamanya beberapa kes yang saya laporkan selama ini saya tidak pernah menerima apa-apa jawapan daripada BSN atau Menteri Undang-undang atau Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Sehingga kad pengakuan pun tidak diterima. Adakah ini bererti bahawa laporan daripada seseorang Wakil Rakyat tidak boleh diterima sebagai bukti untuk menyiasat kes-kes yang tertentu. Saya tidak bersetuju dengan Menteri Undang-undang atau Timbalannya yang mengatakan sekiranya laporan dibuat kepada polis atau BSN barulah tindakan boleh diambil. Tetapi kita masih ingat bahawa satu kenyataan dikeluarkan oleh Ketua Pengarah BSN pada tahun lepas, katanya BSN bukan sahaja akan bertindak atas aduan-aduan secara rasmi walaupun surat layang atau surat yang tidak ditandatangani pun akan disiasat. Nampaknya ada satu percanggahan kenyataan yang dibuat oleh Kementerian Undang-undang dan Ketua Pengarah BSN.

Sebenarnya BSN perlulah bertindak tegas untuk menyiasat setiap aduan rasuah daripada rakyat termasuk Wakil Rakyat. Saya tidak tahu apa sebab laporan saya pada 18hb Jun tahun ini berkaitan dengan GABEMA Sdn. Bhd. yang melibatkan seorang bekas

Ketua Menteri tidak disiasat dan juga tindakan tidak diambil. Adakah BSN sedang menunggu political kidnapped daripada pihak atasan dalam Barisan Nasional? Di sini saya hendak bertanya, saya sudah memberikan banyak maklumat nama dan tempat-tempat, alamat-alamat, maklumat-maklumat mengenai di mana hartabenda melebihi \$35 juta dikumpulkan oleh bekas Ketua Menteri dan seorang dua bekas Ahli Exco. Adakah maklumat-maklumat ini tidak mencukupi. Pihak BSN bolehlah menghubungi saya. Tetapi mana boleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Undang-undang mendiamkan diri sahaja seolah-olah tidak berlaku skandal GABEMA Sdn. Bhd. di dalam rumahtangga UMNO.

Tuan Pengerusi, di sini saya hendak tahu apakah sebabnya sehingga hari ini saya masih tidak diberitahu apakah tindakan yang telah diambil terhadap skandal GABEMA Sdn. Bhd. kerana segala keterangan dan bukti-bukti telah saya berikan termasuk beberapa orang lagi kes ini. Di sini saya hendak tahu apakah sebabnya BSN masih mendiamkan diri. Adakah kerana seorang dua daripada pendakwaan terlibat dalam kepentingan syarikat ini. Ini perlu diketahui oleh Dewan yang mulia ini.

Tuan Pengerusi, di sini saya hendak mencadangkan bahawa Akta Pencegah Rasuah, 1961 ini sebenarnya perlu dipinda dengan segera. Saya tidak bersetuju dengan pendapat Timbalan Menteri Undang-undang yang mengatakan undang-undang anti korupsi yang ada di Malaysia sudah mencukupi. Umpamanya Ordinan (Kuasa-kuasa Perlu) Darurat, 1971 sudah cukup untuk menangkap ikan yu, tetapi bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan yang mulia ini berapa orangkah Menteri, Ahli Parlimen, Timbalan Menteri, Ahli Dewan Undangan Negeri atau Wakil-wakil Rakyat telah dirampas hartabendanya kerana terlibat dalam rasuah atau menyalahgunakan kuasa. Dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan tidak ada. Ini nampaknya ada kelemahan dalam undang-undang anti rasuah Malaysia.

Kalaulah seseorang pegawai atau kakitangan Kerajaan atau seorang Menteri atau seorang Wakil Rakyat tidak dapat memberitahu pihak yang berkuasa di mana datangnya hartabendanya yang terkumpul maka hartanya perlu dirampas dan saya bersetuju

dengan pendapat Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh tadi hukuman denda perlu dibatalkan. Sekarang boleh dikaji hukuman penjara dan hukuman untuk merampas harta-benda daripada seseorang yang terlibat dalam rasuah dan penyalahgunaan kuasa. Jika seseorang itu tidak dapat memberitahu di mana datangnya hartabenda mereka yang tidak sepadan dengan sumber pendapatan mereka, maka saya mencadangkan Akta yang berkenaan perlu dipinda supaya satu perang anti korupsi secara besar-besaran boleh dilancarkan di Malaysia supaya keyakinan dan kepercayaan rakyat boleh dipulihkan terhadap keazaman dan imej BSN. Kalau hendak bercakap tentang kebersihan atau keazaman Kerajaan hendak memerangi rasuah, tetapi BSN tidak boleh menjalankan tugas kerana organisasinya di bawah Akta Biro Siasatan Negara telah menyekat BSN menjalankan tugasnya. Di sini saya tidak tahu apakah sebabnya Akta BSN tidak boleh dipinda dan diletakkan di bawah tanggungjawab Parlimen dan juga Akta Pencegah Rasuah, 1960 dipinda supaya BSN boleh diberikan lebih kuasa yang besar dan berkecuali untuk menjalankan tugasnya. Saya yakin kalau dengan cara yang DAP cadangkan ini terus BSN boleh menunjukkan prestasi yang sangat memuaskan. Kalau kedua-dua cadangan ini tidak boleh ditimbangan maka bagaimana rasuah boleh dihapuskan. Angka-angka yang saya sebutkan untuk tahun 1974 tadi telah membuktikan banyak aduan diterima tetapi siasatan jarang diambil. Kalau diambilpun hanya beberapa orang ditangkap.

Tuan Pengerusi, ini sudah menunjukkan satu kelemahan yang sangat serius dalam organisasi BSN. Itulah sebabnya saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh menjawab ketiga-tiga soalan yang saya sebut tadi mengenai Aktiviti (3)—Perkhidmatan Pendakwaan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa hampir cukup. Ada seminit lagi.

Tuan Chan Teck Chan: Tuan Pengerusi, di sini saya hendak tahu apakah sebabnya 17 tuduhan terhadap bekas Menteri Besar Selangor ditarik balik. Rakyat dan Dewan yang mulia ini adalah berhak untuk mengetahui latar belakang yang mengakibatkan Kerajaan menarik balik tuduhan dakwaan terhadap bekas Menteri Besar Selangor. Ada-

kah kerana menunjukkan bekas Menteri Besar ini tidak bersalah, tidak berdosa kerana dakwaan yang dibuat tidak patut akibat tekanan politik dalam UMNO sendiri atau disebabkan satu perundingan atau penyer-taan politik dijalankan di dalam UMNO supaya orang yang bersalah ini dibebaskan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Tuan Chan Teck Chan: Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

4.30 ptg.

Timbalan Menteri Undang-undang (Dato' Abdullah bin Abdul Rahman): Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya suka mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengutarakan tegoran-tegoran dan pandangan-pandangan mengenai dengan Kementerian saya. Sekarang saya merujuk kepada Yang Berhormat dari Kemaman yang membangkitkan perkara ramai pegawai-pegawai perundangan dan lain-lain dari Kementerian ini yang telah berhenti dan beliau mahu mengetahui apakah langkah-langkah sedang diambil untuk menahan pegawai-pegawai ini daripada berhenti.

Tuan Pengerusi, perletakan jawatan oleh pegawai-pegawai tidaklah dapat ditahan atau dielakkan oleh kerana ini adalah hak masing-masing dan mereka dapat pekerjaan ataupun jawatan lain di sektor swasta lebih lumayan. Walau bagaimanapun, langkah-langkah diambil dari masa ke semasa untuk memperbaiki syarat-syarat perkhidmatan dan prospek pegawai-pegawai di bawah Kementerian saya dan saya akan terus berusaha ke arah ini. Dari semasa ke semasa setengah-setengah jawatan dinaikkan taraf atau upgrade dan jawatan-jawatan baru diwujudkan. Ini dilakukan sebagai satu tarikan dan satu-satunya ikhtiar untuk menahan pegawai-pegawai kita daripada berhenti.

Yang Berhormat itu juga membangkitkan perkara penggunaan Bahasa Malaysia di mahkamah dan penterjemahan yang dibuat di Kementerian saya. Sebagaimana diketahui perkara penggunaan bahasa di Mahkamah telahpun diterangkan dengan panjang lebar oleh Pemangku Menteri Undang-undang

beberapa hari yang lepas dan dari sebab itu tidaklah saya bercadang hendak menambah lagi apa yang telah diperkatakan oleh beliau itu.

Mengenai dengan menterjemahkan undang-undang daripada bahasa Inggeris ke Bahasa Malaysia, sukalah saya nyatakan iaitu apakala tertubuhnya Jawatankuasa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Pemangku Menteri Undang-undang itu segala masalah mengenai dengan penterjemahan dan juga mengenai penggunaan bahasa sepenuhnya di mahkamah dan di lain-lain akan dapat dikaji dengan halus dan teliti dan juga langkah-langkah tertentu akan diambil bagi mengatasi masalah-masalah yang ada sekarang ini.

Wakil dari Kemaman juga mahu mengetahui kenapa peruntukan gaji dalam tahun 1980 kurang daripada tahun 1979. Jawapannya, Tuan Pengerusi, ialah dalam tahun 1979 Kementerian kita terkena membayar tunggakan gaji dan juga di Biro Guaman dalam tahun 1979 ada satu jawatan sementara yang mana dalam tahun 1980 jawatan itu dihapuskan oleh kerana pegawai yang bercuti dalam tahun 1979 ada kembali dalam tahun 1980.

Ahli Yang Berhormat dari Kemaman juga membangkitkan perkara Time Bombs yang dikarang oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling. Perkara pengharaman buku ini adalah mengenai dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan saya akan berhubung dengan Kementerian yang tersebut untuk menyampaikan tegoran Ahli Yang Berhormat itu. Mengenai dengan pendakwaan sama ada dakwaan akan dijalankan ataupun tidak, perkara ini sedang diteliti dari segi undang-undang oleh Jabatan Peguam Negara.

Mengenai dengan pertikaian MAS tempoh hari, sukalah saya nyatakan bahawa aspek jenayah dalam perkara pertikaian MAS ini sedang di dalam kajian sekarang.

Wakil dari Petaling menyatakan Kementerian Undang-undang bersikap selective di dalam pendakwaan. Tuan Pengerusi, saya suka menafikan dengan sekeras-kerasnya yang Kementerian saya ada mengambil sikap selective di dalam soal pendakwaan (prosecution). Pendakwaan adalah dijalankan dengan bebas sekarang ini dengan tidak memilih bulu dan tidak dipengaruhi oleh politik atau lain-lain faktor.

Ahli Yang Berhormat dari Petaling juga bertanya kenapa tindakan kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tidak diambil di atas buku yang dikarangnya. Suka saya nyatakan di sini, Tuan Pengerusi, tidak ada keterangan-keterangan menunjukkan bahawa satu kesalahan telah dilakukan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengenai dengan bukunya itu.

Berkenaan dengan Yang Berhormat dari Kota Kinabalu yang dikatakan telah melakukan kesalahan dan apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian saya, suka saya nyatakan iaitu pihak Pejabat Peguam Negara masih lagi mengkaji dari segi undang-undang mengenai dengan kes Wakil dari Kota Kinabalu ini.

Berkenaan dengan Spica-M ataupun fast-boat yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling itu, saya suka menyatakan iaitu tidak ada keterangan yang menunjukkan bahawa kesalahan telah dilakukan oleh mana-mana pihak di dalam kes yang berhubung dengan fast-boat ini.

Yang Berhormat dari Petaling juga membangkitkan perkara Dato' Harun, bekas Menteri Besar Selangor. Tuan Pengerusi, perkara sama ada hendak diterus ataupun hendak ditarik balik satu-satu kes itu adalah terpulang kepada budibicara Peguam Negara.

Mengenai dengan kes Dato' Harun yang berkenaan dengan Hongkong and Shanghai Bank, Dato' Harun telah didapati salah dalam 4 pertuduhan dan dihukum berjumlah 5 tahun penjara iaitu satunya 1 tahun, yang satu lagi 2 tahun dan satu lagi 2 tahun. Di dalam kes Bank Rakyat pula, Dato' Harun telah didapati salah dan dihukum dalam 2 pertuduhan iaitu selama 6 bulan penjara dan \$15,000 denda atau 6 bulan penjara. Jadi jumlah ke semuanya hukuman yang dikenakan ialah 6 tahun penjara.

Tuan Pengerusi, seperti saya katakan tadi budi bicara itu terletak kepada Peguam Negara dan sebelum sesuatu keputusan diambil untuk menarik balik, segala aspek adalah diteliti, umpamanya, hukuman yang telah diterima oleh Dato' Harun dan juga hukuman itu telahpun menjadi satu hukuman yang menakutkan, memadai boleh menakutkan orang lain daripada melakukan kesalahan yang sama dan juga suasana dan keadaan

dalam mana kesalahan-kesalahan itu dikatakan dilakukan. Maka setelah diteliti aspek-aspek itu dan lain-lain lagi, barulah keputusan diambil oleh Peguam Negara dengan menggunakan budi bicaranya.

Ahli Yang Berhormat juga mengatakan banyak kes corruption berlaku dan melahirkan rasa kurang puashati terhadap kekurangan kakitangan di BSN. Tuan Pengerusi, langkah-langkah sedang diambil sekarang untuk menambahkan lagi kakitangan di Pejabat BSN. Pada masa sekarang pun temuduga sedang dijalankan untuk mengambil lebih ramai Pegawai-Pegawai Penyiasat dan lain-lain untuk berkhidmat dengan BSN.

Ahli Yang Berhormat dari Dungun membangkitkan perkara Undang-undang Islam dan mengesyorkan supaya Kementerian Undang-undang juga menggubal Undang-undang Islam. Suka saya nyatakan di sini, Tuan Pengerusi, undang-undang digubal mengikut kehendak Kementerian-kementerian yang bertanggungjawab bagi perkara-perkara yang berkenaan dan soal mengadakan undang-undang baru berkenaan dengan Undang-undang Islam ini adalah di dalam bidangkuasa Jabatan Perdana Menteri.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar telah membangkitkan perkara BSN juga dengan menyatakan BSN sekarang kurang bebas. Tuan Pengerusi, saya juga suka menafikan dengan sekeras-kerasnya yang BSN ini tidak bebas. Sebenarnya BSN boleh bertindak dan sedang bertindak dengan bebasnya sekarang ini. Sama ada BSN terletak di bawah Parlimen ataupun mana-mana, kedudukannya adalah sama sahaja. BSN bertindak sekarang ini terhadap sesiapa juga yang melakukan kesalahan dengan tidak memilih bulu sama ada dia orang besar ataupun kecil, politician, pegawai Kerajaan, ahli perniagaan ataupun sesiapa juga dan sebab itulah, Tuan Pengerusi, kita dapat lihat di masa-masa yang lalu Menteri-menteri Besar pun diambil tindakan dan pegawai-pegawai tinggi juga diambil tindakan oleh BSN dan ini jelas terbukti kepada kita bahawa BSN ini bebas dalam mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan wajar.

Juga saya patut mengingatkan di sini iaitu bukan semuanya kes-kes yang dilaporkan kepada BSN itu mempunyai keterangan yang cukup. Jadi walaupun laporan banyak tetapi kalau keterangan tidak mencukupi maka

tidak juga dapat kes-kes itu dibawa ke tengah ataupun ke mahkamah. Dan ada pula laporan-laporan mengenai dengan perkara-perkara jenayah yang lain selain daripada perbuatan rasuah. Maka dalam keadaan itu mereka yang menjalankan penyiasatan ialah pihak Polis. BSN tidak dapat menjalankan siasatan di atas perkara-perkara jenayah selain daripada rasuah.

Berkenaan dengan lima pemaju yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, perkara ini saya akan beri perhatian.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar juga mengesyorkan supaya Akta yang mengenai dengan BSN dipinda. Di sini saya suka nyatakan, Akta-akta yang mengenai dengan BSN pada masa ini sedang dikaji oleh Kementerian saya untuk dibuat beberapa pindaan. Dan saya jangka pindaan-pindaan itu akan dapat dikemukakan kepada Dewan yang mulia ini tidak berapa lama lagi.

Ahli Yang Berhormat meminta supaya kakitangan Biro Bantuan Guaman ditambahkan khasnya di dalam perkhidmatan luar bandar. Ini juga sedang diambil perhatian sekarang ini. Ahli Yang Berhormat itu juga membangkitkan perkara pampasan kemalangan jalanraya. Suka saya menyatakan laporan daripada Jawatankuasa mengenai dengan pampasan kemalangan jalanraya ini sudahpun siap sekarang dan telah dihantar untuk pandangan oleh Kementerian-kementerian yang berkenaan. Selepas daripada mendapat pandangan-pandangan daripada Kementerian-kementerian yang berkenaan laporan Jawatankuasa mengenai pampasan kemalangan jalanraya ini akan dihantar kepada Kerajaan untuk pertimbangan. Jawatankuasa Pampasan juga telah mengambil kira atau pun memberi pertimbangan terhadap perkara yang disyorkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi termasuklah kemajuan skim itu di New Zealand.

Tuan Pengerusi, sebab-sebabnya terpaksa mengambil masa sedikit untuk menyiapkan laporan ini ialah oleh kerana seperti saya terangkan dahulu skim pampasan jalanraya ini adalah satu skim yang besar yang meliputi seluruh negara dan menelan belanja yang besar. Di sini juga melibatkan cukai-cukai yang terpaksa dibayar oleh orang ramai terutamanya tuan-tuan yang empunya kenderaan-kenderaan. Maka sebelum daripada skim seperti ini dilancarkan dalam negara

kita kenal pihak Kerajaan berteliti dan benar-benar memeriksa tentang baik buruknya. Skim ini baru sahaja beberapa tahun yang lepas dijalankan di New Zealand dan Kerajaan New Zealand sendiri pada masa ini sedang mengkaji balik di atas skim ini. Jadi ada baiknya kita tidak bergopoh-gapah tidak tergesa-gesa menjalankan satu-satu skim yang baru sahaja dilancarkan oleh negara asing dan yang belum kita dapat pasti tentang baik buruknya.

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh menimbulkan perkara BSN juga dan mengatakan banyak pemberi-pemberi rasuah tidak dihukum dengan sewajarnya. Sebenarnya banyak pemberi-pemberi rasuah telah ditangkap dan dihukum. Saya sukalah minta kerjasama daripada Ahli-ahli Yang Berhormat dan orang ramai supaya melaporkan sekiranya ada orang-orang yang terlibat dengan pemberian rasuah.

Ahli Yang Berhormat yang sama juga membangkitkan perkara hukuman mati yang belum dijalankan lagi dalam kes-kes, umpamanya kes ISA atau Undang-undang Keselamatan Dalam Negeri.

Tuan Pengerusi, hukuman terhadap orang-orang yang berkenaan itu belum lagi dijalankan hukuman mati bukan kerana takut atau sengaja dilambat-lambatkan, tetapi semua proses undang-undang yang boleh digunakan oleh mereka ini iaitu pesalah-pesalah seperti rayuan dan proses keampunan, hendaklah dibiarkan berjalan terlebih dahulu sebelum hukuman mati dijalankan dan ini biasanya mengambil masa sedikit.

Yang Berhormat dari Pagoh membangkitkan perkara gaji dan kemudahan-kemudahan serta kenderaan-kenderaan untuk kakitangan BSN. Yang Berhormat itu berkata oleh kerana gajinya tidak menarik kemudahan-kemudahan tidak diberi dengan sebaiknya maka ramai orang-orang yang tidak berminat untuk berkhidmat dengan BSN banyak jawatan-jawatan belum dapat diisi.

Suka saya menyatakan di sini berkenaan dengan tanggagaji ini sekarang sedang di dalam pertimbangan Kerajaan dan kita akan dapat tahu keputusannya dalam masa yang tidak berapa lama lagi.

Berkenaan dengan perkara kenaikan dan lain-lain yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, sukalah saya menyatakan

iaitu saya sedang memberi pertimbangan yang sewajarnya mengenai dengan perkara-perkara ini.

Ahli Yang Berhormat itu juga menyatakan kebimbangannya kalau tidak diberi pertimbangan yang sewajar dan berpatutan di atas tuntutan ataupun permintaan-permintaan dari kakitangan BSN, beliau bimbang tentang kejujuran dan dedikasi pegawai-pegawai BSN yang berkhidmat sekarang ini.

Tuan Pengerusi, saya penuh yakin dan memang sekarang ini mendapati bahawa Pegawai-pegawai BSN walau ada kekurangan-kekurangan yang disebutkan sekejap tadi oleh Ahli Yang Berhormat sekarang ini sedang bekerja dengan penuh kejujuran dan taat setia dan juga dengan penuh dedikasi dan saya rasa bersyukur di atas sikap yang ditunjukkan oleh pegawai-pegawai BSN itu.

Yang Berhormat dari Kota Melaka juga mengatakan BSN sangat selective dalam tindakannya ataupun mengambil sikap membeza-bezakan dalam mengambil satu-satu tindakan. Ini juga, Tuan Pengerusi, saya nafikan sekeras-kerasnya tentang dakwaan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat itu, seperti saya katakan BSN tidak memilih bulu dan BSN sentiasa diberi penuh kebebasan di dalam menjalankan tugasnya sehari-hari.

Ahli Yang Berhormat juga mendakwa BSN tidak sebegitu cekap ataupun incompetent. Ini juga dinafikan. Tuan Pengerusi, dengan bilangan kakitangan yang ada pada BSN sekarang ini dengan tugas-tugasnya yang banyak, laporan yang banyak diterima setiap bulan dan dengan kelengkapan-kelengkapan yang ada, saya suka menyatakan BSN kita telah dan sedang menjalankan tugasnya dan kewajipannya dengan baik dan cekap. Kementerian saya juga sedang berikhtiar untuk mendapatkan lebih ramai pegawai-pegawai berkhidmat di BSN ini.

Yang Berhormat dari Kota Melaka mengatakan banyak maklumat-maklumat diterima oleh BSN tetapi tindakan dan pendakwaannya tidak sebegitu banyak. Seperti yang saya terangkan sekejap tadi, Tuan Pengerusi, bukan semuanya laporan-laporan ataupun surat-surat yang dihantar itu mempunyai keterangan yang cukup dan menepati dengan kehendak undang-undang

yang berhubung dengan BSN. Maka hanya kes-kes yang mempunyai keterangan sahaja dapat dikemukakan kepada mahkamah.

Ahli Yang Berhormat juga bertanya tentang surat-surat yang dihantar kepada Yang Berhormat Menteri, kepada saya sendiri, kepada Perdana Menteri dan lain-lain. Tuan Pengerusi, suka saya menasihatkan kepada Ahli Yang Berhormat untuk mendapat pandangan yang lebih dan perhatian yang lebih, eloklah Ahli Yang Berhormat itu sendiri sekiranya mempunyai maklumat melaporkan secara rasmi kepada pihak BSN. Bukannya, Tuan Pengerusi, surat-surat yang dihantar itu tidak diberi layanan langsung. Sebelum daripada satu-satu tindakan diambil oleh BSN atas sesuatu surat, termasuklah surat layang ataupun akhbar ataupun majalah, terpaksa pihak BSN menentukan asasnya terlebih dahulu sama ada satu-satu tohmahan itu berasas ataupun tidak dan yang paling baik seperti saya katakan ialah laporan secara rasmi oleh orang yang mempunyai maklumat itu.

Ahli Yang Berhormat juga mengesyorkan supaya harta-harta kepunyaan Wakil-wakil Rakyat dan pegawai-pegawai Kerajaan dirampas sekiranya mereka tidak boleh memberi tahu punca mana dapat dikumpulkan harta-harta yang banyak itu. Tuan Pengerusi, sudahpun ada satu peruntukan di dalam Emergency Ordinance, 1970 yang mengatakan kalau seseorang itu, baik seorang politikus ataupun pegawai Kerajaan mengumpulkan wang yang banyak melalui perbuatan rasuah, maka pihak BSN boleh mendapatkan satu perintah daripada Mahkamah Tinggi bagi merampas harta-harta itu sekiranya didapati harta itu diperolehi melalui perbuatan rasuah dan pihak tuannya itu tidak dapat memberi maklumat dengan puas hati bagaimana hartanya itu dapat dikumpulkan. Jadi tidaklah mustahak lagi diadakan pindaan lain kepada undang-undang memandangkan sudah ada peruntukan itu di dalam undang-undang yang saya sebutkan tadi.

Ahli Yang Berhormat juga membangkitkan perkara yang berlaku di Melaka iaitu beberapa perbuatan rasuah telah dilakukan oleh orang-orang yang berkuasa di Melaka. Suka saya menyatakan di sini, Tuan

Pengerusi, perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu sekarang ini sedang di dalam penyiasatan BSN.

Ahli Yang Berhormat juga membangkitkan perkara Dato' Harun dan ini telahpun saya beri jawapan apakala menjawab perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling tadi.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka juga menyatakan yang Kementerian ini sangat selective ataupun membeza-bezakan berkenaan dengan pengambilan pendakwaan kes-kes jenayah. Tuan Pengerusi, ini juga saya nafikan sekeras-kerasnya yang pihak Kementerian ini ataupun Jabatan Peguam Negara selective ataupun membeza-bezakan terhadap sesiapa yang berkenaan. Mengenai dengan pendakwaan kes-kes jenayah sesiapa juga, Tuan Pengerusi, yang melakukan kes-kes jenayah, akan diambil tindakan oleh Jabatan Peguam Negara, tidak kira siapa dia sama ada pegawai Kerajaan orang politik ataupun sesiapa. Dan ini juga, Tuan Pengerusi, bergantung kepada keterangan. Kalau keterangan itu kurang jelas ataupun tidak mencukupi, kes itu tidak juga dapat diketengahkan.

Itulah sahaja jawapan saya, Tuan Pengerusi, dan pada perkara-perkara lain yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak saya memberi jawapan, perkara-perkara itu saya akan ambil perhatian.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$18,443,800 untuk Maksud B. 48, \$2,150,500 untuk Maksud B. 49 dan \$1,653,700 untuk Maksud B. 50 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan untuk mengemukakan Anggaran Perbelanjaan bagi Kementeriannya.

Maksud B. 37 (Jadual)—

Maksud P. 37 (Anggaran Pembangunan, 1980)—

5.10 ptg.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk mengemukakan Anggaran

Belanjawan Kementerian Kesihatan bagi tahun 1980 yang berjumlah \$835,718,084; \$699,562,000 darinya bagi Belanja Mengurus di bawah Kepala B. 37, sementara \$136,156,084 bagi Belanja Pembangunan di bawah P. 37. Pada keseluruhannya peruntukan yang dipohon bagi tahun 1980 bertambah sebanyak \$80,493,384 atau 10.7% dari tahun 1979.

Tambahan bagi Emolumen adalah bagi kenaikan kadar gaji kakitangan dan bagi jawatan-jawatan baru dalam tahun 1980. Sejumlah 2,800 jawatan akan diwujudkan. Bagi Perkhidmatan dan Bekalan pula, antara lain, kira-kira \$50 juta bagi ubat-ubatan; \$17 juta bagi bahan perubatan, pembedahan dan pergigian; dan \$26 juta bagi bahan makanan pesakit. Di bawah Pemilikan Harta Modal \$2,511,500 adalah bagi Kerja-kerja kecil iaitu bagi mengadakan tambahan kecil kepada bangunan yang sedia ada, \$8 juta adalah bagi penggantian kenderaan; \$18 juta bagi pembelian peralatan-peralatan di Hospital-hospital dan Pusat-pusat Kesihatan; \$1.3 juta bagi pembekalan "standby generators" bagi 13 buah Hospital di Semenanjung Malaysia dan yang baki bagi pembelian peralatan-peralatan Makmal Pengeluaran ubat-ubatan dan Cecair di beberapa makmal pengeluaran, peralatan pejabat dan buku-buku untuk khutub khannah.

Tuan Pengerusi, izinkan saya menerangkan secara ringkas keperluan peruntukan bagi program-program yang didapati di bawah Kementerian Kesihatan. Saya tidak berhajat hendak memberi penjelasan dengan detail oleh kerana ini boleh dirujuk di Kertas Perintah 24/79 dan juga buku Anggaran Belanjawan Program dan Prestasi Tahun 1980.

Di bawah Program Pentadbiran peruntukan yang dipohon adalah dicadangkan bagi memperkomputerkan Sistem Maklumat Kesihatan, Sistem Stor Perubatan dan Sistem Kira-kira Kementerian Kesihatan.

Program Perkhidmatan Kesihatan Awam ialah bertujuan untuk menaikkan taraf Kesihatan negara terutama kepada penduduk di kawasan luar bandar akan diperluaskan dan diperkemaskan lagi. Tiga buah Pusat Kesihatan Besar yang baru akan memulakan perkhidmatan pada tahun 1980. Pusat-pusat ini akan mempunyai Pembantu Hospital, Jururawat Kesihatan, Penolong Jururawat,

Pembantu Teknologi Makmal Perubatan dan lain-lain kakitangan. Di samping itu beberapa Pusat Kesihatan Kecil yang dinaikkan taraf kepada Pusat Kesihatan Besar akan memulakan perkhidmatan mereka tahun hadapan.

Kementerian Kesihatan juga bercadang meluaskan lagi perkhidmatan pasukan Bergerak Kesihatan, lapan pasukan lagi akan dibekalkan dengan Pembantu Hospital dan di bawah Aktiviti Kesihatan Diri, Kementerian ini akan mencadangkan untuk meneruskan rancangan-rancangan yang memberi faedah secara langsung kepada ibu-ibu dan anak-anak di kawasan luar bandar. \$1.4 juta akan disediakan bagi bekalan vaksin, \$770,000 bagi bekalan Ubat Cacing dan kira-kira \$2 juta bagi kempen menambah zat makanan. Selain dari itu Kementerian Kesihatan juga akan menyediakan peruntukan bagi bekalan garam makanan yang dibungkus (oral rehydration salts) untuk memberi rawatan yang mudah bagi kes-kes cirit birit terutamanya di kalangan kanak-kanak.

Penerimaan perkhidmatan kesihatan di luar bandar adalah pesat sekali, terutama sekali di Negeri-negeri Kedah, Trengganu dan Kelantan di mana terdapat banyak infrastruktur disiapkan dua atau tiga tahun yang lalu. Bilangan kehadiran ibu-ibu bagi perkhidmatan ante-natal dan post-natal masing-masing bertambah, begitu juga kehadiran bagi anak-anak.

Aktiviti Kesihatan Alam Sekeliling yang dimulakan kira-kira lima tahun yang lalu akan dilipat-gandakan di semua negeri di seluruh negara pada tahun 1980. Kawasan-kawasan yang didapati mudah dihindangi oleh wabak taun dan kepialu akan diberi ketutamaan. 15 pasukan Bekalan Air masyarakat akan diwujudkan dalam tahun 1980 sebagai tambahan kepada pasukan yang sedia ada.

Kegiatan-kegiatan di bawah aktiviti-aktiviti lain di antaranya kawalan Mutu Makanan, Kawalan Penyakit-penyakit Berjangkit akan diteruskan.

Program Rawatan Perubatan memohon peruntukan sejumlah \$434,240,140 iaitu tambahan sebanyak 6.1%. Program ini meliputi aktiviti-aktiviti Rawatan Pesakit Am, Rawatan-rawatan Khas Jiwa, Kusta dan Tibi dan Pentadbiran Rawatan Perubatan.

Perkhidmatan Rawatan Pesakit Am, adalah diberi di 60 buah Hospital dan di 33 buah klinik pesakit luar bagi Semenanjung Malaysia. Dalam tahun 1980, Kementerian Kesihatan akan memperbaiki lagi kemudahan penentuan penyakit iaitu dengan mengemas-kan lagi perkhidmatan makmal dan X-ray. 14 jawatan Ahli Kimia Ubat, 96 jawatan Juruteknologi Makmal Perubatan akan diwujudkan, di samping itu 13 jawatan Juru-X-Ray Diagnostik bagi Hospital-hospital yang belum mempunyai perjawatan yang mencukupi. Dari segi perawatan pula, 501 jawatan Jururawat, 359 jawatan Penolong Jururawat dan 148 Bidan akan diadakan pada tahun 1980.

Bilangan kedatangan di Klinik-klinik Pesakit Luar dan Dalam telah bertambah. Kementerian ini menganggarkan bilangan mereka yang akan dimasukkan ke wad-wad pada tahun 1979 ialah 706,000 orang dan 743,000 dalam tahun 1980. Penambahan jumlah ini adalah selaras dengan penerimaan orang ramai kepada perawatan di Hospital dan juga penambahan kemudahan seperti penambahan bilangan katil di Yunit Rawatan Rapi (ICU) dan Yunit Rawatan Penyakit jantung (CCU) dan di wad-wad biasa dan juga penambahan bilangan pakar, pegawai perubatan, para perubatan dan lain-lain yang bersedia untuk memberi rawatan yang sempurna kepada pesakit-pesakit.

Perkhidmatan yang diberi di Hospital-hospital Khas untuk Rawatan Jiwa, Kusta dan Tibi akan diteruskan. Ketiga-tiga rawatan ini diperuntukkan kira-kira \$40 juta dalam tahun 1980. Hospital-hospital Rawatan Jiwa di Ulu Kinta dan di Tampoi akan terus dijadikan pusat "detoxification" untuk penagih-penagih dadah. Selain dari perkhidmatan rawatan, kedua-dua aktiviti ini juga memberi perkhidmatan kawalan kepada penyakit-penyakit berkenaan.

Peruntukan yang dipohon di bawah Program Fergigian ialah \$37,012,440 iaitu tambahan sebanyak 1.3%. Perkembangan Perkhidmatan dijangka pesat pada tahun 1980 dengan terisinya jawatan-jawatan Pegawai Pergigian dan Jururawat Pergigian. Bilangan pesakit baru dijangka akan bertambah dengan adanya penambahan Pusat dan Klinik Pergigian Sekolah dan Pasukan Bergerak Pergigian. Kementerian ini memohon menyediakan \$933,000 bagi rancangan menflouride air minuman. Kira-kira

\$680,000 akan digunakan bagi membekalkan silico-flouride bagi 73 lagi yang telah disediakan di Semenanjung Malaysia.

Empat Program seterusnya iaitu Program-program Latihan, Farmasi dan Bekalan, Penyelidikan dan Perancangan dan Pembangunan adalah merupakan program-program bantuan. Program Latihan memohon \$23,872,490 iaitu tambahan sebanyak 41.4%. Tambahan ini antara lain disebabkan oleh kenaikan elaun kepada Doktor-doktor Pelatih.

Bilangan pelatih yang akan menamatkan kursus para medical atau auxilliari dalam tahun 1980 ialah kira-kira 2,500 orang. Mereka adalah dilatih di beberapa buah sekolah latihan yang dikendalikan sendiri oleh Kementerian Kesihatan dan akan ditempatkan di dalam berbagai-bagai program di bawah Kementerian ini.

Kementerian ini juga amat mengambil berat untuk menjamin kakitangannya di semua peringkat menunjukkan mutu perkhidmatan yang tinggi. Selaras dengan azam ini bilangan kursus, seminar, bengkel dan latihan bagi kakitangan dalam perkhidmatan akan ditambah.

Mengenai Program Farmasi dan Bekalan ini mengendalikan pembelian dan pembekalan ubat-ubatan di semua infrastruktur di bawah Kementerian. Di samping itu ia juga terlibat dalam pengeluaran ubat-ubat suntikan, Cecair I.V., galenicals dan sebagainya. Aktiviti Pemeriksaan dan Penguatkuasaan dan aktiviti kawalan Mutu akan dipergiatkan. Makmal Kawalan Mutu di Petaling Jaya telahpun memulakan perkhidmatannya pada pertengahan tahun 1978 dan kini banyak ujian telah dijalankan, terutama sekali bagi menentukan mutu bahan-bahan pengeluaran dari Bahagian-bahagian lain di bawah Kementerian. Tugas ini akan diperkembangkan supaya ujian dapat dibuat ke atas sebahagian besar ubat-ubatan yang diimport ke negara kita.

Program Penyelidikan: Selain dari menjalankan penyelidikan ke atas tajuk-tajuk yang telah ditentukan, pusat-pusat penyelidikan di bawah Program ini juga merupakan tempat-tempat rujukan bagi beberapa disiplin antaranya perkhidmatan Kimia Hayat, Kaji Darah dan Kaji Sel. Di samping itu pusat-pusat tersebut juga mengeluarkan

beberapa jenis vaksin bagi keperluan Kementerian Kesihatan. Kementerian ada menca- dangkan untuk melengkapkan Bahagian Kaji Darah dengan beberapa peralatan moden bagi memulakan kajian ke atas penyakit anaemia dan leukemia dan barah-barah berkaitan. Hasil kajian ini nanti akan membolehkan Kementerian Kesihatan menyediakan asas- asas untuk mewujudkan satu Jabatan bagi merawat penyakit-penyakit tersebut pada suatu masa nanti.

Program Perancangan dan Pembangunan memohon peruntukan sejumlah \$1,060,200 iaitu tambahan sebanyak 11.1%. Tambahan ini adalah antara lain diperlukan bagi memulakan pelaksanaan Sistem Maklumat Pengurusan Kesihatan di negeri-negeri di Semenanjung Malaysia.

Negeri-negeri Sabah dan Sarawak juga akan menikmati perkembangan yang pesat dalam perkhidmatan kesihatan. Bagi negeri Sabah, kira-kira \$65.7 juta atau 9.4% dari anggaran yang dipohon akan dibelanjakan bagi menjalankan aktiviti-aktiviti yang sedia ada dan juga memperkembangkan beberapa aktiviti lain. Kementerian Kesihatan ber- cadang untuk menambah perkhidmatan doktor udara di Sabah kepada 2 helikopter dan adalah dijangkakan perkhidmatan heli- kopter kedua ini akan bermula pada per- tengahan tahun hadapan. Di bawah program kawalan malaria, Kementerian Kesihatan akan memberi sepenuh tumpuan supaya masalah penyakit ini dapat diatasi dalam ber- berapa tahun yang datang.

Bagi negeri Sarawak pula, peruntukan yang dicadangkan ialah kira-kira \$74 juta iaitu 10.6% dari jumlah anggaran Keme- nterian keseluruhannya. Sejumlah 542 jawatan tambahan telah dicadangkan bagi negeri ini dalam tahun 1980. Jumlah ini merupakan pertambahan sebanyak kira-kira 9.4%. Perkhidmatan doktor udara yang telah dimulakan beberapa tahun yang lalu akan diteruskan dalam tahun 1980. Bilangan pusat-pusat rawatan di bawah perkhidmatan ini akan ditambah dari 243 tahun lalu kepada 264 tahun 1980. Pada tahun 1979, Kementerian saya telah mengambil alih perkhidmatan Kesihatan ibu dan kanak- kanak yang dahulunya dikendalikan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. 93 klinik terlibat dalam pengambil-alihan ini. Dengan adanya penambahan kakitangan yang begitu pesat,

Kementerian Kesihatan mengharapkan per- khidmatan Perawatan ini akan diperbaiki lagi.

Kementerian Kesihatan juga akan meneliti perkembangan perkhidmatan kesihatan di kedua-dua negeri ini dan akan menentukan bahawa segala masalah yang dihadapi semasa membekalkan perkhidmatan ini dapat diatasi supaya ada suatu masa nanti berbagai perkhidmatan akan dapat diperluas- kan ke kawasan-kawasan yang terpencil dan dalam masa yang sama meningkatkan mutu perkhidmatan selaras dengan perkhidmatan yang diberi di negeri-negeri Semenanjung Malaysia.

Seterusnya saya suka mengemukakan Anggaran Belanjawan Pembangunan bagi Kementerian ini. Pada tahun 1980, Keme- nterian Kesihatan menghendaki peruntukan (di bawah P. 37) sebanyak \$136,156,084 untuk meneruskan pelaksanaan 1,433 projek pembangunan di seluruh negara.

Di Semenanjung Malaysia peruntukan \$106,640,594 akan digunakan untuk meneruskan projek-projek yang sudah dimulakan sebelum 1978 dan juga untuk memulakan pelaksanaan projek-projek baharu. Jumlah kesemua projek yang akan dilaksanakan di Semenanjung ialah 1,247.

Di Sabah pula, anggaran pembangunan sebanyak \$15,103,200 adalah untuk menerus- kan/memulakan 109 buah projek. Di Sarawak pula sejumlah 77 projek akan terus dilaksanakan pada tahun hadapan, dengan biaya pembangunan yang berjumlah \$14,412,270.

Tuan Pengerusi, pada keseluruhannya, Kementerian Kesihatan akan terus memberikan keutamaan yang tinggi terhadap program Perkhidmatan Kesihatan Luar Bandar. Ini adalah perlu untuk menjamin bahawa rakyat di desa-desa akan mendapat peluang yang seimbang dengan penduduk-penduduk di bandar, berkaitan dengan perkhidmatan dan kemudahan kesihatan yang moden. Dalam program ini, projek-projek yang akan terus dilaksanakan termasuklah menaikkan taraf Rumah Bidan dan Klinik supaya menjadi Klinik Desa, pembinaan Klinik- klinik Desa yang baharu, peningkatan Pusat Kesihatan Kecil untuk menjadi Pusat Kesihatan Besar dan juga pembinaan Pusat

Kesihatan yang baharu. Dalam lain-lain perkataan, dasar untuk mengubah sistem tiga peringkat, iaitu Pusat Kesihatan Besar, Pusat Kesihatan Kecil dan Rumah Bidan dan Klinik ke sistem dua peringkat iaitu Pusat Kesihatan dan Klinik Desa akan dilaksanakan supaya mutu perkhidmatan kesihatan luar-bandar akan terus dinaiki lagi.

Dalam program memperbaiki hospital-hospital, kerja-kerja menambahkan pelbagai kemudahan seperti wad-wad tambahan, blok-blok perkhidmatan dan lain-lain akan dilakukan di beberapa buah hospital. Sementara itu, pembinaan Hospital Baru Ipoh, kini sudah di dalam peringkat akhir dan akan memuat sebanyak 770 katil dan dijangka perkhidmatannya akan bermula pada pertengahan tahun 1980, \$3.5 juta adalah diperlu untuk menyudahkan pembinaan dan pembekalan alat-alat kelengkapan. Hospital baru Kelang akan dimulakan pembinaannya pada pertengahan 1980 dan akan mempunyai 750 katil, manakala Hospital Baru Kota Bharu, yang juga sebesar Hospital Ipoh dan Kelang, dijangka siap dalam tahun 1981-1982.

Kementerian Kesihatan akan terus melaksanakan dan akan memulakan pembinaan 52 buah Hospital baru (36 di Semenanjung, 6 di Sarawak dan 10 di Sabah) pada tahun hadapan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, untuk meringkaskan ucapan ini, saya sukalah menyatakan bahawa Kementerian Kesihatan akan cuba mengubah strategi Kementerian ini pada tahun-tahun akan datang dari segi memberikan penekanan yang lebih terhadap program-program Pencegahan (Preventive Aspects), berbanding dengan program-program Rawatan (Curative Aspects). Program-program sokongan (supportive programmes) seperti Latihan, Stor dan Ubatan, Penyelidikan dan sebagainya akan juga diberikan penegasan yang sesuai dan wajar.

Ditinjau dari program-program besar Kementerian Kesihatan, jumlah projek-projek pada tahun 1980 adalah 903 untuk kesihatan umum, 269 untuk rawatan, 162 untuk latihan, penyelidikan bekalan dan sebagainya, iaitu secara amnya program-program bantuan, dan 99 untuk pergigian—jumlah 1,433.

Tuan Pengerusi, saya memohon peruntukan sejumlah \$699,562,000 di bawah Maksud B. 37 Anggaran Belanja Mengurus 1980 dan peruntukan sejumlah \$136,156,084 di bawah Maksud P. 37 bagi Anggaran Pembangunan tahun 1980 bagi Kementerian Kesihatan diluluskan dan dijadikan sebahagian dari Jadual.

Tuan Pengerusi: Yang jadi sebahagian dari Jadual itu hanya Maksud Bekalan Mengurus, yang Pembangunan itu ialah untuk jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Anggaran Perbelanjaan di bawah Kementerian Kesihatan untuk Maksud B. 37 dan Pembangunan P. 37 sekarang terbuka untuk perbincangan. Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kangsar.

5.31 ptg.

Puan Yong Fatimah binti Mohd. Razali (Kuala Kangsar): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyokong permintaan daripada Kementerian Kesihatan yang berjumlah \$835,718,084 bagi perkara Pembangunan dan Belanja Mengurus bagi tahun 1980.

Tuan Pengerusi, izinkan saya menyentuh B. 37, muka surat 311, Butiran 1100, Program 2 (d). Menyentuh perkara pentadbiran Kesihatan, masih terdapat jurang yang besar antara kemudahan-kemudahan kesihatan yang terdapat di bandar dengan di luar bandar, misalnya semua hospital-hospital, pakar-pakar perubatan dan lain-lain keistimewaan perubatan adalah terdapat di bandar-bandar sedangkan di luar bandar yang terdapat hanyalah kemudahan-kemudahan terhad di peringkat klinik seperti klinik desa sahaja. Kemudahan-kemudahan klinik ini adalah jauh dari lengkap jika dibandingkan dengan hospital-hospital di bandar-bandar itu. Klinik ini juga tidak terdapat di daerah pedalaman, akibatnya penduduk luar bandar tidak dapat menikmati kemudahan-kemudahan perubatan yang segera dan memuaskan. Maka terdapat kadar kematian bayi yang besar di luar bandar berbanding dengan di bandar. Ini diakui dalam Laporan Ekonomi 1979/80 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan. Di Perak misalnya, mengikut perangkaan penting yang terakhir yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan bagi tahun 1976, kadar

kematian bayi di bandar adalah di antara 176 hingga 294 sedangkan di luar bandar adalah 962. Perkara ini sudah tentu tidak memuaskan dan tidak adil kepada penduduk-penduduk luar bandar.

Sebagaimana kita ketahui salah satu dari usaha Kerajaan di bawah Dasar Ekonomi Baru adalah hendak memperseimbangkan keadaan-keadaan yang berbeza antara di bandar dan di luar bandar. Oleh itu di sini saya ingin merayu supaya Kerajaan memberikan perhatian lebih berat dan mengambil tindakan sewajarnya untuk mengatasi masalah kemudahan kesihatan yang tidak seimbang ini.

Tuan Pengerusi, muka surat 311, B. 37, Butiran 1100, Program 1 (a) dan (b). Salah satu daripada sebab-sebabnya maka berlaku tidak seimbangan keadaan kesihatan di bandar dengan di luar bandar ini pada fikiran saya adalah disebabkan kekurangan doktor. Ini mendatangkan tanda tanya kepada saya apakah negara kita masih kurang melahirkan doktor-doktor yang berkualiti dan berkebolehan walaupun sudah 22 tahun kita mencapai kemerdekaan. Memang diakui bahawa salah satu dari punca masalah ini adalah kerana banyak di antara doktor-doktor yang tamat pengajiannya dan menyelesaikan jangka waktu perkhidmatannya dengan Kerajaan mengikut perjanjiannya telah berhenti dan membuka klinik-klinik persendirian sama ada cara perseorangan ataupun berkongsi. Oleh itu pihak Kerajaan memang sudah semestinya memberikan perhatian yang serius untuk menyasat perkara ini dan mencari jalan untuk mengatasi masalah yang timbul akibatnya.

Tetapi pada fikiran saya apa yang tidak kurang pentingnya adalah usaha untuk memperbanyakkan bilangan doktor di negara kita. Usaha ke arah ini hendaklah dipatgandakan. Saya percaya bila mana bilangan doktor sudah banyak di negara kita ini soal kekurangan doktor untuk berkhidmat dengan Kerajaan tidak akan timbul. Ini berdasarkan prinsip ekonomi yang paling mudah, iaitu sumber yang banyak atau berlebihan akan menurunkan daya permintaan. Bila ini berlaku, para doktor akan sudah tentu akan mendapati bahawa membuka klinik persendirian tidak begitu menguntungkan lagi kerana kadar permintaan akan perkhidmatannya sudah menurun disebabkan sudah

terlalu banyak klinik dibuka, jadi mahu tak mahu kebanyakan mereka terpaksa juga terus berkhidmat dengan Kerajaan.

Setahu saya negara kita masih mengalami pakar-pakar kesihatan seperti Neurologist (Pakar Urat Saraf), ENT (Perubatan Telinga, Hidung dan Kerongkong), Gynaecologist (Pakar Sakit Puan), Anaesthetist (Pakar Bius) dan Paediatrician (Pakar Penyakit Kanak-kanak) terutamanya di peringkat hospital daerah. Sekiranya kekurangan ini tidak diatasi dengan secepat mungkin akan ramai lagilah rakyat menanggung penderitaan, dalam perkataan lain mereka menjadi mangsa di atas kekurangan yang dilalaikan oleh kita semua.

Tuan Pengerusi, B. 37, Butiran 1100, muka surat 312, Program 5 (a), ingin saya menyatakan di sini bahawa Kerajaan telah berusaha menambahkan lagi bilangan kakitangan yang mahir melalui kursus-kursus post basic psychiatric, perubatan mata, perubatan tulang dan sendi, (orthopaedic nursing), TB, kusta dan sebagainya tetapi apabila pegawai ini telah mahir dalam satu bidang dan lulus dalam temuduga kenaikan pangkat ia ditukarkan ke bidang perubatan yang lain yang tidak kena-mengena dengan kemahirannya. Nyatalah perbuatan ini telah merugikan Kerajaan yang telah membelanjakan wang yang banyak untuk melatih mereka. Saya dengan penuh harapan agar Kementerian ini dapat menyalurkan kakitangannya mengikut aliran kemahiran mereka yang sepatutnya ditempatkan demi untuk faedah rakyat yang memerlukan kakitangan expert.

Tuan Pengerusi, muka surat 313, Butiran 1100, Program 8 (a), saya suka menjelaskan di sini di kawasan saya di Kuala Kangsar, Kerajaan telah menyediakan kepada penduduk-penduduknya dua buah hospital, iaitu hospital daerah dan hospital perempuan. Kedua-dua hospital ini ditempatkan berasingan sejauh 3¼ batu di antaranya. Semua pesakit (out-patient) mendapat rawatan dari doktor dan hospital daerah, sementara pesakit perempuan yang memerlukan masuk untuk rawatan hospital sepenuhnya dihantar dengan ambulan ke hospital perempuan. Sepatutnya hospital daerah di Kuala Kangsar ini dijadikan pusat, iaitu dicentralisekan untuk memberi rawatan kepada pesakit lelaki dan perempuan sekali seperti dilakukan di

hospital-hospital lain. Dengan adanya centralised hospital, yakni hospital yang tidak berasingan beberapa masalah yang dihadapi boleh diatasi seperti membazirkan kakitangan, alat-alat kelengkapan dan tenaga.

Tuan Pengerusi, izinkan saya juga menyentuh muka surat 311, B. 37 Butiran 1100, Program 2 (b) iaitu berkenaan dengan kesihatan alam sekeliling. Saya juga ingin menyentuh berkenaan dengan kebersihan hospital di negara kita ini, contohnya di Hospital Besar Ipoh.

Agak menyedihkan hati mendapati suasana di keliling wad-wad hospital itu tidak berapa memuaskan. Ini bukanlah bermakna kakitangan hospital itu tidak menjalankan tugas-tugas mereka tetapi kelakuan setengah-setengah pelawat atau saudara-saudara pesakit yang menunggu tidak bertanggungjawab langsung tentang kebersihan di luar wad.

Kerajaan telah bersikap adil membenarkan saudara-mara menunggu pesakit-pesakit yang perlu ditunggu. Pada pendapat saya adalah baik jika poster-poster dengan tiga bahasa mengingatkan orang ramai kepada kebersihan diletakkan atau dilekatkan di papan-papan penyata berdekatan dengan wad-wad di samping tong-tong sampah yang bertutup diletakkan di tempat-tempat yang sesuai supaya sampah sarap di dalam tong itu tidak begitu mudah ditumpahkan anjing-anjing yang berkeliaran. Ini juga memudahkan orang-orang supaya membuang sampah di tempat yang dikhaskan dan tidak di merata-rata ikut kehendak hati sahaja.

Seperkara lagi yang saya perhatikan bahawa kereta sorong atau trolley pesakit yang meninggal dunia di hospital adalah tidak memuaskan. Semua pesakit yang meninggal di hospital disorong ke Rumah Mayat dengan satu trolley juga. Saya memohon jasa baik Kementerian ini biarlah mayat pesakit orang-orang Islam dibawa dengan trolley yang berasingan yang dikhaskan membawa mayat-mayat Islam sahaja dan disorong oleh orang Islam juga.

Tuan Pengerusi, akhirnya izinkanlah saya menyentuh Butiran 1100, muka surat 311 . . .

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat ada satu minit lagi.

Puan Yong Fatimah binti Mohd. Razali: Program (3) (B)—Rawatan Khas Pesakit Jiwa.

Tuan Pengerusi, sehingga hari ini negara kita hanya mempunyai dua buah hospital yang terkenal untuk merawat pesakit-pesakit jiwa atau pesakit otak iaitu Hospital Bahagia di Ulu Kinta dan juga Hospital Permai di Tampoi, Johor.

Pada tahun 1969 Hospital Bahagia Ulu Kinta telah dapat memberikan rawatan kepada lebih 4,922 orang penderita penyakit jiwa yang dihantar dari Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Selangor, Negeri Sembilan dan Perak tetapi kini hospital tersebut hanya sanggup memberi rawatan kepada 2,500 pesakit sahaja.

Tuan Pengerusi, bilangan psychiatrists yang ditugaskan bagi kedua-dua hospital ini adalah terlalu kecil untuk faedah yang menyeluruh kepada semua pesakit-pesakit. Oleh itu, pada fikiran saya pakar-pakar yang sedia ada ini tidak berkeupayaan memberi rawatan sepenuhnya di wad-wad mahupun di bahagian Rawatan Pesakit Luar misalnya. Namun begitu dengan kebijaksanaan Pentadbir dan Pengarah Hospital Bahagia yang menaruh penuh minat dan dedikasi di bidang ini sedikit sebanyak kesulitan di segi ini dapat diatasi. Pegawai dan kakitangannya bekerja dengan bertungkus lumus memberi harapan yang cerah kepada sebahagian manusia yang kurang bernasib baik ini supaya mereka dapat kembali ke pangkuan masyarakat dan sanak saudara mereka.

Tuan Pengerusi, sebagai cara pemulihan pesakit-pesakit ini dijalankan di hospital ini seperti Group Therapy, Community Therapy, Occupational Therapy, Family Therapy. Mereka juga diberi latihan menyanyi, menari, kelas persolekan, kelas jahitan, senaman, berkebun dan sebagainya. Inilah cara-cara mereka mengisi masa di samping memakan ubat.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Puan Yong Fatimah binti Mohd. Razali: Dengan ini saya menyokong peruntukan ini.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Betong.

5.44 *ptg.*

Tuan Liben anak Kato (Betong): Saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Pengerusi kerana memberi saya peluang untuk membincang dan membahaskan beberapa perkara di sidang ini.

Merujuk kepada Maksud P. 37, Butiran 31—Perkhidmatan Kesihatan Luar Bandar di Sarawak, muka surat 332, bahawa peruntukan wang berjumlah \$4,154,030 mencukupi, ini ialah memandangkan keadaan bahawa beberapa perkara seperti lawatan jururawat ke kawasan-kawasan luar bandar, keperluan untuk lebih ramai lagi bidan-bidan, perlu juga home demonstrator diperbanyakkan dan memerlukan wang yang banyak.

Tuan Pengerusi, mengenai jururawat-jururawat saya berpendapat supaya bilangan jururawat harus diperbanyakkan lagi dan mereka ini hendaklah lebih kerap lagi melawat ke kampung-kampung, sekolah-sekolah luar bandar khususnya sekolah-sekolah yang berdekatan dengan Rumah-rumah Panjang. Tujuannya ialah supaya murid-murid dan anak-anak kampung itu dapat bersama-sama mengambil kesempatan perubatan, mendapat rawatan dan ubat moden yang sedia itu.

Aktiviti-aktiviti seperti ini perlu juga diadakan di tempat-tempat tertentu dan pada masa-masa yang ditetapkan terlebih dahulu. Sekiranya langkah begini tidak diambil maka susahlah untuk mereka yang terpencil di pedalaman ini menikmati kemudahan-kemudahan perubatan moden yang lebih berkesan dari ubat tradisional itu.

Tuan Pengerusi, seperkara lagi yang saya ingin hendak sentuh ialah keperluan bidan-bidan yang lebih banyak lagi. Di kawasan-kawasan luar bandar kekurangan pakar-pakar perubatan menyebabkan cepatnya penyakit-penyakit merebak. Dari itu dengan adanya bidan-bidan yang lebih ramai di luar bandar dapatlah mereka berhubung rapat dengan kanak-kanak sekolah dan penghuni-penghuni Rumah Panjang. Kehadiran mereka juga boleh mempergiatkan lagi penyiaran health education di tempat-tempat yang saya maksudkan tadi.

Di samping itu BCG dan sistem "Child Care" yang sesuai boleh juga diajarkan kepada mereka. Child care perlu sangat di-

titikberatkan, contohnya di Rumah-rumah Panjang dan di kampung-kampung ibu yang berumur 20 tahun yang sudahpun mempunyai dua atau tiga orang anak belum lagi mengetahui cara menjaga dan menyusu anak dengan betul. Mereka yang menyusukan anak dengan susu dalam tin tidak pula menjaga dan menyedia susu dengan botol dengan cara yang paling hygienic. Oleh yang demikian, health education sangatlah perlu untuk ibu-ibu ini.

Tuan Pengerusi, di samping mereka di atas, home demonstrator dimestikan juga lebih kerap melawat kawasan-kawasan luar bandar yakni Rumah-rumah Panjang dan di kampung-kampung. Mereka ini sangat-sangat diperlukan menasihati ibu-ibu yang berbadan putih lesu dan bermuka pucat kuning sebabnya ialah mereka ini terlalu terikat dengan sistem perubatan tradisional. Dari itu, sekiranya lawatan-lawatan bidan-bidan, jururawat dan home demonstrator dapat diperbanyakkan lagi di tempat-tempat luar bandar itu maka dapatlah mereka membantu mengatasi masalah-masalah yang sedia ada. Dan akhirnya orang-orang yang di luar bandar ini dapat juga bersama-sama menikmati buah hasil kemerdekaan yang telah kita capai bersama.

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk merayu supaya sebuah Hospital Daerah Betong dapat didirikan secepat mungkin. Masalah-masalah besar seperti tanah sudahpun selesai dan kini kami menunggu Hospital Daerah tersebut.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Lubok Antu.

5.48 *ptg.*

Tuan Jonathan Narwin Anak Jinggong (Lubok Antu): Tuan Pengerusi, saya ingin mengesyorkan sedikit di bawah Kementerian Kesihatan ini iaitu di atas B.37, muka surat 325, Butiran 3200 Kemudahan, Program (2) (c)—Kawalan Penyakit-penyakit Berjangkit. Kebanyakan pesakit-pesakit di luar bandar diancam oleh penyakit-penyakit seperti diarrhoea dan malaria tiap-tiap tahun.

Semenjak Kementerian Kesihatan ada menjalankan atau menyemburkan racun DDT ke kampung-kampung dari satu rumah hampir 14 tahun kalau saya tidak silap. Racun DDT

ini untuk menjaga dan menghapuskan penyakit malaria dan diarrhoea di tanahair kita. Tetapi, penyakit tersebut masih berkembang dan tidak berkurangan. 35% penyakit-penyakit yang datang dari luar bandar yang diancam oleh penyakit malaria tiap-tiap tahun. Dari segi ini saya ingin mencadangkan bahawa Kementerian ini atau Jabatan Perubatan mestilah mengkaji semula mengadakan penyelidikan dan penyiasatan di atas racun DDT dan memberi perubahan campuran dengan secukupnya atau tukar dengan cara lain atau sistem yang lain untuk menghapuskan penyakit tersebut.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh sepatah dua kata di atas P. 37 muka surat 332, Butiran 31—Perkhidmatan Kesihatan Luar Bandar. Saya bercakap mengenai program-program doktor terbang di Sarawak yang dijalankan oleh Jabatan Perubatan. Saya berpendapat ramai rakyat di luar bandar tidak tahu atau tidak menemui kedatangan atau ketibaan doktor terbang ke kampung mereka dan ke tempat-tempat yang sudah disediakan. Dari sebab itu mereka yang sakit tidak dapat menghadirkan diri untuk dirawat kerana rumah-rumah mereka sangat jauh dari tempat pendaratan doktor terbang. Saya juga mengesyorkan supaya Kementerian Kesihatan patutlah memberi program seperti hari bulan, sekian-sekian jam dan juga program itu eloklah disiarkan dalam radio berulang-ulang dua tiga kali mengenai program tersebut dan juga memberi program ini secara bertulis kepada penghulu-penghulu, setiap kepala kampung dan setiap tuai-tuai rumah masing-masing. Ini akan memudahkan mereka yang sakit datang dan menunggu di tempat-tempat pendaftaran doktor terbang ini.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Butiran 37 muka surat yang sama berkaitan dengan kenderaan-kenderaan dan bot-bot. Peruntukan \$1 juta diuntukkan untuk Butiran 37 untuk kenderaan dan bot tahun 1976 hingga 1980 peruntukan negeri Sarawak. Peruntukan ini tidak mencukupi. . . .

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, anggaran untuk tahun hadapan jumlahnya \$300,000 bukan \$1 juta. Teruskan.

Tuan Jonathan Narwin Anak Jinggong: Saya rasa peruntukan ini mestilah ditambah banyak lagi. Saya berpendapat kebanyakan

dispensari-dispensari dan klinik-klinik di luar bandar tidak ada dilengkapi dengan alat-alat pengangkutan seperti ambulan, land-rover dan bot-bot yang tertentu. Oleh yang demikian, kebanyakan pesakit-pesakit yang tidak dapat dirawat di dispensari-dispensari di samping itu pesakit diuruskan oleh Hospital Assistant untuk dirawat ke General Hospital yang sangat jauh. Pesakit ini juga diarah menaiki teksi untuk membawa mereka ke General Hospital kerana dispensari tidak ada langsung alat-alat pengangkutan. Oleh yang demikian pesakit itu tidak mampu sewa teksi. Kebanyakan pesakit-pesakit orang-orang yang miskin dan berpendapat rendah; perkara ini selalu berlaku sekurang-kurangnya tiga empat kali dalam satu minggu. Kita sedia maklum semua macam penyakit memang tidak sangka menyerang tiap-tiap seorang manusia. Saya merayu kepada Kementerian yang berkenaan mengambil perhatian dengan serius untuk melengkapkan tiap-tiap dispensari dan klinik di luar bandar dengan alat-alat pengangkutan seperti land-rover, ambulan dan bot-bot. Dan juga dispensari dan klinik kita haruslah dilengkapi dengan ubat-ubat dengan secukupnya untuk mengatasi semua masalah yang saya sebutkan itu.

Akhirnya, saya juga menyentuh di atas muka surat yang sama, Butiran 34 berhubung Hospital Baru. Saya berpendapat Kementerian Kesihatan langsung tidak ada cadangan untuk mendirikan District Hospital di kawasan saya di Lubok Antu. Saya ingin merayu kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan bahawa mengambil tindakan yang serius untuk mendirikan District Hospital di kawasan saya Lubok Antu dengan secepat yang boleh. Kementerian beliau harus menambah. . . .

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa sudah cukup. Yang Berhormat dari Seremban.

5.58 ptg.

Dr Chen Man Hin (Seremban): Tuan Pengerusi, di muka surat 311, Butiran 1100 Pecahan (3) Perkhidmatan Rawatan Perubatan. Saya mahu sentuh dua tiga perkara.

Berkenaan kekurangan doktor yang pada satu masa dahulu yang penting dan yang mustahak sekali dan apabila banyak komplek daripada rakyat di mana perkhidmatan di dalam hospital besar atau hospital-hospital luar bandar perkhidmatan sangat kurang

baik, mutu sangat rendah dan lagi apabila pesakit masuk dalam wad perkhidmatannya pun kurang baik. Ini bukan sahaja pandangan saya atau pengakuan daripada rakyat tetapi juga daripada satu badan international yang ada reputation iaitu University of Edinburgh Hospital di mana telah menarik recognition-nya terhadap hospital-hospital di Malaysia, misalnya Pulau Pinang dan lain-lain hospital ini tidak boleh dijadikan satu tempat untuk melatih doktor yang hendak ambil peperiksaan FRCS. Hanya hospital Kuala Lumpur General Hospital dan Universiti Hospital, lain-lain hospital telah ditarik balik recognition-nya. Ini ada satu keraguan atau cara yang tidak baik menunjukkan perkhidmatan di hospital negara kita sekarang sudah direndahkan. Kalau kekurangan doktor di masa yang mustahak ini boleh mengurangkan perkhidmatan hospital di luar bandar.

Tiap-tiap tahun di Dewan ini kita ada dengar Kementerian hendak adakan perkhidmatan yang baik, misalnya, di seluruh hospital daerah ada cukup doktor-doktor khasnya doktor khas (specialist), satu physician satu surgeon, satu obstetrician tetapi sekarang banyak hospital daerah, misalnya, Negeri Sembilan tidak ada cukup hospital specialist atau generalist. Ini bukti hospital di negeri kita kekurangan doktor. Apa sebab-sebabnya kekurangan doktor ialah ada banyak sebab.

Saya tahu MMA dan Kementerian ada bermesyuarat, barangkali masa akan datang satu laporan dikeluarkan. Tetapi di sini saya mahu emphasise satu dua faktor apa sebab doktor-doktor hospital resigned dan pergi ke luar negeri atau pergi ke private sector. Barangkali ada beberapa doktor yang hendak masuk ke private sector untuk mencari wang tetapi ada banyak doktor lain hendak jadi doktor dalam hospital Kerajaan.

Untuk doktor-doktor ini, Kerajaan tidak ada beri insentif yang baik khasnya tidak ada job satisfaction dan lain-lain lagi. Kerajaan tidak ada beri satu positive incentive tetapi Kementerian menghalang mereka hendak menjadi doktor dalam perkhidmatan Kerajaan. Misalnya, doktor-doktor muda (young doctors) yang hendak memasuki permanent employment yang dikehendaki pass satu peperiksaan yang sangat susah di mana bukan sahaja mahu test mutu Bahasa Malaysianya tetapi mahu test knowledge berkenaan dengan Culture dan History. Seorang doktor dalam hospital kalau dia fasih dalam Bahasa

Malaysia untuk kerjanya adalah sudah mencukupi, apa sebab mahu test yang lain-lain seperti History dan Culture. Sebab itu doktor-doktor yang hendak berkhidmat dalam Kerajaan, Kerajaan tolak dia keluar, tidak mahu dia kerja. Misalnya, di Taiping baru-baru ini ada 4 orang doktor yang hendak berkhidmat dalam Kerajaan tetapi masuk dalam perkhidmatan private sungguhpun di Taiping ada banjir doktor private 30 orang lebih.

Lagi satu, doktor-doktor muda sekarang tidak ada prospek yang baik, tidak ada peluang melanjutkan pelajarannya dengan mendalam jadi specialists atau lain-lain. Ini-pun adalah satu insentif kalau kita mahu doktor-doktor muda berkhidmat dalam Kerajaan, beri dia insentif, beri scholarships, study awards, pergi ke luar negeri atau dalam negeri. Oleh sebab sekarang tuition fees di luar negeri sangat tinggi, sangat mahal, lebih baik kita ada Post Graduate Courses di dalam negeri kita.

Di sini saya meminta Menteri yang berkenaan menjelaskan apa sebab sampai sekarang sungguhpun beberapa tahun dahulu, tahun 1975 apabila ada satu Bill hendak dibentangkan di sini untuk membentuk kolej-kolej untuk surgeons, obstetricians, general practitioners, apa sebab Bill ini belum dibentangkan lagi di sini untuk dibahaskan dan diluluskan. Kalau negara kita ada Post Graduate Courses untuk doktor-doktor muda kita ini boleh beri peluang kepada mereka menjadi specialists pada masa akan datang.

Ada dua tiga points saya bentangkan di sini untuk beritahu Kementerian berkenaan supaya diambil tindakan. Akhirnya, Tuan Pengerusi, untuk memberitahu Menteri Kesihatan iaitu sekarang ini Penang Hospital ada satu crisis kekurangan doktor yang sangat serius. Kalau masalah itu tidak diselesaikan di hujung tahun ini barangkali semua doktor akan resign dan Hospital ini tidak ada doktor lagi. Janganlah diketawakan hal ini, Tuan Pengerusi, sebab ini adalah hal yang sebenarnya.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, rekod kesihatan kita adalah baik di dalam bidang prevention. Melalui pengalaman saya, saya pun ada nampak sebab ada vaccination against Diphtheria dan lain-lain penyakit itu telah kurang. Di sini saya meminta Kementerian Kesihatan apa sebab Kementerian tidak ada laksana dan satu kempen untuk menahan

atau mengurangkan penyakit Rubella dan juga Measles sebab Rubella adalah satu penyakit yang kalau menyerang seorang yang mengandung anaknya boleh jadi cacat, ada "congenital defects". Saya harap Kementerian Kesihatan ambil perhatian dan bukan sahaja ada vaccination untuk Diphtheria dan lain-lain tetapi ada vaccination untuk Rubella, Measles dan lain-lain.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam. Selepas habis 2 orang Ahli Yang Berhormat bercakap, saya akan minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

6.06 ptg.

Tuan Seow Hun Khim (Bukit Mertajam): Tuan Pengerusi, saya hendak menyentuh beberapa perkara mengenai Kementerian Kesihatan.

Pertamanya ingin saya sentuh Maksud Bekalan B. 37, Butiran 1100—Gaji dan Upahan, Program (1) (a)—Pentadbiran Ibu Pejabat Kementerian dan juga Butiran (Kod) 1300—Tambahkan Kos Kakitangan dan juga Butiran 2900, Program (3)—Perkhidmatan Rawatan Perubatan, (a) Rawatan Pesakit Am.

Tuan Pengerusi, negara kita sedang mengalami kekurangan pakar-pakar dan doktor-doktor perubatan. Hampir semua hospital-hospital yang wujud di negara ini terjejas dengan kekurangan pakar-pakar dan doktor-doktor di mana ramai di antara doktor-doktor dan pakar-pakar telah meletakkan jawatan untuk memasuki bidang swasta serta juga ramai di antara mereka pergi berhijrah ke negara-negara lain.

Sebab-sebab utama yang menyebabkan doktor-doktor berkenaan meletakkan jawatan ialah kerana gaji yang diterima oleh mereka adalah tidak begitu bumayan. Tambahan kepada ini pula syarat-syarat pekerjaan mereka adalah buruk di mana mereka terpaksa berkhidmat selama 24 jam dan kadangkala jika tidak ada doktor ganti, mereka dikehendaki berkhidmat lebih dari 24 jam secara terus menerus. Disebabkan bebankerja yang begitu teruk dan berat yang dipikul oleh doktor-doktor, mereka tidak dapat siasat atau memeriksa secara menyeluruh penyakit seseorang pesakit itu dan akibat ini seorang pesakit itu tidak menerima layanan yang cukup dan memuaskan.

Satu lagi sebab yang menyebabkan doktor-doktor meletakkan jawatan ialah kerana kekurangan peluang-peluang kenaikan pangkat. Seorang pegawai yang berkhidmat dalam perkhidmatan awam cepat naik pangkat tetapi bagi seorang doktor pula beliau terpaksa menunggu begitu lama sebelum ia dinaikkan pangkat. Ini menyebabkan kekeciwaan dan disebabkan itu mereka meletakkan jawatan. Ramai doktor-doktor dan pakar-pakar yang telah berkhidmat dengan Kerajaan begitu lama meletakkan jawatan dan memasuki bidang swasta untuk menjalankan amalan perubatan mereka.

Tuan Pengerusi, adalah nyata tindakan yang sesuai dan wajar harus diambil oleh Kementerian Kesihatan untuk menghentikan doktor-doktor dan pakar-pakar dari meletakkan jawatan.

Saya juga membuat perakuan-perakuan yang berikut untuk pertimbangan Menteri Kesihatan yang boleh membantu kita mengatasi masalah kekurangan doktor.

Sebuah Jawatankuasa khas hendaklah ditubuhkan untuk mengkaji dan membaiki struktur gaji dan keadaan kerja doktor-doktor serta juga Jawatankuasa tersebut hendaklah menyasiat dan mengambil langkah-langkah segera untuk melengkapkan setiap hospital dan alat-alat perubatan yang moden. Dengan membuat demikian dapatlah kita menarik doktor-doktor dan pakar-pakar berkhidmat di hospital-hospital Kerajaan.

Yang kedua, Kerajaan sebagai langkah untuk mengatasi masalah kekurangan doktor hendaklah mengiktirafkan ijazah-ijazah perubatan dari Taiwan dan negara-negara lain yang mana ijazah-ijazah tersebut sudahpun diiktirafkan di peringkat antarabangsa. Saya mengesyorkan kepada Kerajaan supaya menghantar satu rombongan ke Taiwan untuk menyasiat taraf dan latihan perubatan di negara tersebut dan jika kita mendapat taraf dan latihan perubatan di negara tersebut dan jika kita mendapati taraf dan latihan perubatan di Taiwan adalah memuaskan maka Kerajaan hendaklah mengiktirafkan ijazah-ijazah perubatan negara tersebut serta juga mempelewa doktor-doktor dari negara tersebut untuk berkhidmat di sini.

Yang ketiga, oleh sebab ramai pakar-pakar dan doktor-doktor kita berhijrah ke negara-negara lain seperti Australia maka Kerajaan

hendaklah berikhtiar dan memujuk supaya mereka kembali dan berkhidmat kepada rakyat dan negara.

Tuan Pengerusi, saya ingin juga menyentuh sedikit mengenai hospital yang terletak di kawasan saya iaitu Bukit Mertajam. Hospital Bukit Mertajam sepatutnya mempunyai 26 orang doktor tetapi kini hanya terdapat 13 orang doktor yang berkhidmat di hospital tersebut. Disebabkan kekurangan doktor, pesakit-pesakit terpaksa menunggu selama dua tiga jam sebelum diperiksa oleh doktor. Keadaan ini adalah sangat buruk dan saya harap Kementerian berkenaan dapat mengambil langkah-langkah untuk menempatkan lebih ramai lagi doktor-doktor di hospital Bukit Mertajam. Di samping itu saya juga menyeru Kementerian berkenaan mengambil langkah-langkah segera untuk menempatkan seorang pakar sakitpuan (gynaecologist) di hospital berkenaan kerana pakar sakitpuan di hospital itu telahpun meninggalkan hospital tersebut dan penggantinya belum sampai hingga ke hari ini.

Tuan Pengerusi, dalam tahun 1977 sebanyak \$1 juta telah diperuntukan untuk pembinaan sebuah blok baru empat tingkat di hospital Bukit Mertajam tetapi malangnya sehingga hari ini kerja membina blok baru itu masih belum dimulakan. Saya hendak tahu sebab-sebab mengapa pembinaan blok baru itu masih belum bermula sungguhpun hampir tiga tahun sudah berlalu.

Tuan Pengerusi, baru-baru ini saya telah melawat wad bersalin Bukit Mertajam dan mendapati kerja pembinaan extension kepada wad berkenaan telah dihentikan dan saya diberitahu kerja pembinaan extension itu telah dihentikan selama tiga bulan. Apakah sebabnya pembinaan extension itu terbengkalai dengan tiba-tiba. Saya menyeru Menteri Kesihatan supaya menyasiat perkara ini dan mengarah supaya pembinaan extension tersebut dilanjutkan dengan secepat mungkin yang boleh kerana pada masa ini ibu-ibu diletakkan di kakilima wad bersalin kerana tiada tempat di wad berkenaan untuk memuatkan mereka.

Tuan Pengerusi, berkait dengan

Tuan Pengerusi: Cukup Yang Berhormat. Dari tadi saya menunggu hendak tamatkan ayat itu. Saya janji tadi dua orang lagi Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Batang Padang kemudian Yang Berhormat dari Menglembu.

6.15 ptg.

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim (Batang Padang): Tuan Pengerusi, saya menyokong peruntukan Kementerian Kesihatan dan saya bercakap di bawah Butiran 1100, Program (1)—Pentadbiran, (a)—Pentadbiran Ibu Pejabat Kementerian.

Seperti yang kita ketahui dan telah dilaporkan oleh beberapa akhbar tempatan bahawa semasa soal jawab dalam Persidangan Parlimen pada hari semalam satu kekecohan telah berlaku iaitu Yang Berhormat Menteri atau Timbalan Menteri mahupun Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan telah tidak hadir untuk menjawab satu soalan Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa dan akibatnya Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan telah terpaksa menjawab bagi pihak Kementerian Kesihatan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, di bawah Peraturan Mesyuarat 24 (1)—mana-mana Menteri, di sini konteks Menteri, Timbalan Menteri termasuk juga Setiausaha Parlimen boleh menjawab, di bawah Peraturan Mesyuarat yang berkenaan dengan menjawab soalan.

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Dalam pada itu, saya minta jawapan nanti.

Tuan Pengerusi: Itu tidak mengapa. Tetapi saya memberitahu Peraturan Mesyuarat membolehkan mana-mana Menteri boleh menjawab.

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Pengerusi, Butiran yang sama, Program 1—Pentadbiran Ibu Pejabat Kementerian juga, berkenaan dengan pakaian seragam jururawat. Saya membangkitkan soal pakaian ini sejak enam tahun dahulu tetapi pakaian ini masih lagi gown walaupun ada setengah Ketua-ketua Jururawat mamakai bell-bottom atau seluar panjang tetapi tidak keseluruhannya. Inilah satu kelewatan atau lembab sedikit perjalanan Kementerian Kesihatan ini.

Selain daripada itu, saya hendak menyentuh B. 37, Butiran 1100, Program 2—Perkhidmatan Kesihatan Awam (c)—Kawalan-kawalan Penyakit Berjangkit. Satu daripada sebab atau punca penyakit berjangkit ini ialah mereka yang duduk di luar bandar mengambil air daripada sungai-sungai kecil

yang telah digunakan oleh kilang dan sebagainya. Jadi pengaliran air di luar bandar ini adalah sangat-sangat perlu dikawal bagi mengelakkan penyakit berjangkit.

Saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada Kementerian ini di atas langkah Kementerian di atas perkhidmatan kesihatan-nya iaitu melaksanakan saluran paip air percuma ke pendalaman lebih-lebih lagi contohnya seperti di Batang Padang di tempat pendudukan orang Asli di lereng bukit di antara Tapah dengan Cameron Highlands Jabatan Kesihatan telah membuat saluran air ini dengan cara yang bijaksana dengan menadah air dari puncak bukit, paip ini disalurkan ke tiap-tiap rumah tanpa membayar apa-apa bil atau bayaran bulanan dan didapati airnya sangat bersih. Ini adalah satu langkah yang bijaksana. Tetapi di dalam Bandaraya ini, di Wilayah Persekutuan terdapat di hujung jalan hendak ke Sungai Buluh iaitu di satu kampung bernama Sungai Pencala diharapkan Kementerian ini walaupun di dalam Wilayah Persekutuan tetapi tempat ini adalah pendalaman nampaknya Kementerian Kesihatan tidak nampak tempat ini yang mana saya harapkan pada tahun 1980 peruntukan ini hendaklah dilaksanakan di sana yang mana boleh kita dapati kampung-kampung ini tidak mendapat air tetapi ada satu bukit yang boleh disalurkan sebagaimana tempat orang Asli tadi. Pihak JKR tidak dapat hendak melaksanakan kerana boleh dikatakan jauh

Tuan Pengerusi: Hendak minta bekalan air tak boleh daripada Kementerian Kesihatan.

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Ini kesihatan di luar bandar, Tuan Pengerusi, ada peruntukan Kementerian Kesihatan untuk mengelakkan penyakit berjangkit.

Tuan Pengerusi: Ada di bawah peruntukan itu?

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Dia berpusing ke situ pula. Jadi saya merayulah kepada Kementerian Kesihatan supaya melaksanakan pekerjaan ini kerana telaga sangat dalam dibuatkan dan air kotor mengalir ke kawasan itu di mana ada satu institusi pelajaran agama Islam namanya al-Arqam. Jadi pusat itu nampaknya tidak ada perhatian daripada pihak Kerajaan, dan di utara daripada sungai itu

ada factory Kutang Kraf, di sebelah sana mereka mencuci kain batik. Budak-budak di situ didapati banyak berkudis, tak lain dan tak bukan inilah satu perkara atau sumber yang boleh menyebabkan mereka mendapat penyakit berjangkit itu iaitu penyakit kulit.

Terima kasih dan saya menyokong peruntukan ini.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Menglembu.

6.22 petang.

Tuan P. Patto (Menglembu): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyentuh B. 37, Butiran 1100, Program (1)—Pentadbiran (a)—Pentadbiran Ibu Pejabat Kementerian.

Saya memang bersetuju dengan Tuan Pengerusi bahawa apakala terdapat Menteri atau Timbalan Menteri atau Setiausaha Parlimen berkenaan tidak dapat menjawab maka seorang Menteri, Timbalan Menteri atau Setiausaha Parlimen yang lain boleh menjawab, tetapi apa yang menghairankan kita semua di dalam Dewan ini semalam ialah dengan izin, ministerial negligence telah dilakukan oleh pihak Kementerian bila mana tidak ada Menteri Kesihatan, Timbalan Menteri dan juga Setiausaha Parlimen dan jawapan pun tidak ada daripada mana-mana Menteri atau Timbalan Menteri atau Setiausaha Parlimennya sehingga terdapat kelam-kabut di kalangan pihak Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen sehingga seorang Pegawai Kerajaan memanjangkan jawapan itu dan jawapan itu dengan tiba-tiba diberi kepada Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan untuk menjawab. Dan saya rasa Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan tidak dibrief langsung. Oleh kerana apa yang berlaku dan kita nampak di dalam Dewan ini menunjukkan bahawa beliau tidak dibrief langsung oleh pihak Kementerian, jadi saya minta supaya Timbalan Menteri Kesihatan memberikan satu penjelasan atas perkara ini: mengapa berlaku ministerial negligence atas perkara ini dan sekiranya mereka mempunyai satu sikap "tidak apa" terhadap soalan-soalan yang dikemukakan terhadap Kementerian, maka eloklah "resign" daripada jawatan-jawatan yang dipegang.

Tuan Pengerusi, saya sentuh juga B.37, Butiran 1100, Program (1) dan Program (4).

Tuan Pengerusi, ini adalah berkenaan dan masalah yang dihadapi oleh doktor-doktor pergigian yang lulus daripada universiti-universiti India. Memang doktor-doktor pergigian, doktor-doktor am dan juga lain-lain professional yang keluar daripada universiti-universiti di India untuk menampung keperluan di negara kita ini dan di dalam hal kekurangan doktor pergigian, memang pihak Kerajaan telah mengakui ada didapati kekurangan untuk memenuhi keperluan rakyat dari segi pergigian tetapi malangnya pihak Kerajaan enggan mengiktirafkan ijazah-ijazah dalam kedoktoran pergigian daripada universiti-universiti di India.

Tuan Pengerusi, dalam perkara ini terdapat bahawa ijazah-ijazah kedoktoran pergigian dari India tidak disenaraikan di bawah approved list yang disediakan oleh Kementerian Kesihatan. Saya ingin tahu bagaimanakah list ini dibuat dan apakah asas criterion yang digunakan untuk menempatkan degree mana daripada universiti India yang ditetapkan atau disenaraikan di bawah satu-satu approved list ini oleh kerana sekarang ini terdapat lebih kurang 40 orang doktor-doktor pergigian yang mempunyai ijazah daripada universiti-universiti India yang terdapat bahawa ijazah mereka tidak diiktirafkan dan mereka dikehendaki mendaftar dengan Kementerian Kesihatan dan mereka terpaksa menunggu selama 9 bulan hingga setahun sebelum mereka dihantar ke hospital daerah atau hospital besar untuk menjalankan tugas dan apabila mereka dihantar ke tempat itu sebagai trainee dental officer dan bukan sebagai dental officer.

Tuan Pengerusi, mereka itu kesemuanya telah menjalankan kursus selama 4 tahun dan mereka mempunyai satu ijazah daripada universiti yang menggunakan syllabus atau sukatan pelajaran yang diprescribe yang oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Jadi saya tidak tahu mengapakah pihak Kerajaan tidak mahu mengiktirafkan ijazah yang diperolehi oleh beberapa orang doktor pergigian daripada universiti-universiti India. Dan tambahan pula, Tuan Pengerusi, dalam masa menunggu selama 9 bulan sehingga satu tahun, doktor-doktor pergigian itu terpaksa menghadapi beberapa masalah khususnya masalah kewangan bagi orang-orang yang sudahpun berumah tangga. Apabila mereka dilantik selepas menunggu selama hampir setahun sebagai trainee dental

officer, Kerajaan membayar mereka gaji sebulan sebanyak \$985 pada tahun pertama dan tahun kedua \$1,040 dan mereka dikehendaki menjalankan tugas dengan Kerajaan atau berkhidmat dengan Kerajaan selama dua tahun.

Tuan Pengerusi, selepas dua tahun itu mereka dikehendaki mengambil peperiksaan di mana kalau mereka tidak lulus dalam peperiksaan itu, mereka diberi peluang dua kali untuk mengulang peperiksaan dan sekiranya mereka tidak dapat lulus peperiksaan seperti yang disebutkan oleh rakan saya dari Seremban, mereka terus tidak diberi peluang untuk berkhidmat dengan pihak Kerajaan dan mereka tidak tahu apa yang hendak dibuat. Dan mereka juga didiskriminasikan bukan sahaja dalam soal gaji di mana graduan-graduan pergigian atau doktor-doktor pergigian yang keluar daripada universiti-universiti di Malaysia dan Singapura dilantik terus sebagai dental officer dan terus dibayar gaji \$1,165 dan mereka boleh mendapatkan elaun perumahan dan membuat tuntutan perjalanan (pengangkutan) juga.

Tuan Pengerusi apakah sebabnya pihak Kementerian melakukan diskriminasi ini bila mana degrees yang diperolehi oleh doktor-doktor pergigian itu pun diiktiraf oleh United Kingdom, mereka yang mempunyai degree iaitu BDS (Bachelor of Dental Surgery) dari universiti di India, mereka boleh menjalankan kursus untuk menjadi specialist iaitu kursus Fellow of Dental Surgery, Royal College of Surgeons (FDS, RCS) dan ada ramai yang sudahpun keluar sebagai specialist

Tuan Pengerusi, saya tidak faham juga mengapakah Kementerian mahukan doktor-doktor pergigian ini menjalankan tugas selama dua tahun sebagai trainee dental officer bila mana doktor-doktor pergigian itu sudahpun menjalani house surgeoncy di India seperti doktor pergigian di kolej-kolej di United Kingdom.

Tuan Pengerusi, saya hairan juga oleh kerana terdapat bahawa Kerajaan mengiktiraf ijazah-ijazah doktor pergigian daripada universiti-universiti negara Islam seumpama Pakistan, Bangladesh, Iran, Iraq dan lain-lain dan negara-negara itu sendiri mengakui BDS daripada universiti-universiti India, negara-negara Iran, Iraq dan lain-lain, bila mana

terdapat di India penuntut-penuntut dari Iran, Iraq, Yamen, Saudi Arabia, Bahrin, Dubai, Kuwait, Abu Dhabi, kesemuanya yang lulus dari universiti-universiti di India dengan mendapat ijazah kedoktoran pergigian mereka terus diambil untuk berkhidmat di negara itu dan degree mereka diiktirafkan. Kalau degree mereka itu boleh diiktiraf oleh negara-negara itu dan kita mengiktirafkan degree yang diperolehi oleh doktor-doktor dari negara-negara Islam, mengapakah kita tidak mahu mengiktiraf ijazah yang diperolehi oleh doktor-doktor itu daripada universiti-universiti di India.

Tuan Pengerusi: Masa sudah cukup. Yang Berhormat Timbalan Menteri akan menjawab bila Dewan bersidang pada hari Isnin.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Tuan Yang di-Pertua: Dewan ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang hari Isnin, 3hb Disember 1979.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.